RISALAH ILMU PERUBATAN

SEBUAH INTEGRASI ANTARA PERUBATAN GREEK-ARAB DAN PERUBATAN MODEN



NASEER SOBREE



BAYTUL HIKMA

RISALAH ILMU PERUBATAN

"Apabila aku sakit,
Dia-lah yang menyembuhkan aku."

(26 : 80)

Cetakan Kelima (2015)

RISALAH ILMU PERUBATAN

SEBUAH INTEGRASI ANTARA PERUBATAN GREEK-ARAB DAN PERUBATAN MODEN



NASEER SOBREE



BAYTUL HIKMA



BAYTUL HIKMA (PG0355779-V)

Pulau Pinang, Malaysia.

facebook.com/BaytulHikma2014

baytulhikma.blogspot.com

+6013 218 1421

RISALAH ILMU PERUBATAN :

Sebuah Integrasi Antara Perubatan Greek-Arab Dan Perubatan Moden

PENULIS

Naseer Sobree

PEMBACA PRUF

Abdur Rahman Shafiee

Nurussakinah Roslan

Rabia'tul Adawiyah Sulaiman

PENERBIT

Baytul Hikma

CETAKAN

Pertama, 2012 (Mesir)

Kedua, 2014

Ketiga, 2014

Keempat, 2015

Kelima, 2015

KANDUNGAN

TRANSLITERASI

'	:	ء	*ṣ*	:	ص
â	:	ى	*ḍ*	:	ض
ā	:	ا	*ṭ*	:	ط
b	:	ب	*ẓ*	:	ظ
t	:	ت	*‘*	:	ع
ṡ	:	ث	*gh*	:	غ
j	:	ج	*f*	:	ف
ḥ	:	ح	*q*	:	ق
kh	:	خ	*k*	:	ك
d	:	د	*l*	:	ل
ż	:	ذ	*m*	:	م
r	:	ر	*n*	:	ن
z	:	ز	*h*	:	ه
s	:	س	*w, ū*	:	و
sh	:	ش	*y, ī*	:	ي

PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah, segala puji hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Baginda Nabi Muhammad SAW, serta ahli keluarganya dan para sahabat Baginda.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi keshukuran kepada Allah SWT kerana dengan kehendak dan izin-Nya, dapat saya siapkan risalah ini berbekalkan ilmu dan tenaga yang sudah tentu bukan milik saya, tetapi daripada Allah sepenuhnya. Semoga Allah mengurniakan kesejahteraan, kemuliaan dan kebahagiaan buat Nabi Muhammad SAW kerana dengan kehendak Allah, Baginda menjadi wasilah bagi nikmat Iman dan Islam yang saya miliki sekarang ini. Tidak dilupakan juga kepada para sahabat, tabi'in, tabi'ut tabi'in dan para ulama' yang meneruskan kesinambungan dakwah Baginda, semoga semuanya beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat, inshaAllah.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih buat ibu dan bapa yang menjadi *asbab* bagi kewujudan saya di dunia ini, juga menjadi pendorong semangat dan pemberi motivasi kepada saya untuk terus melakukan yang terbaik di dunia ini berlandaskan agama, semoga Allah mengampunkan segala dosa mereka dan merahmati mereka sepertimana mereka memelihara dan mendidik anak-anak mereka.

Seterusnya saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Haji Ismail Bin Haji Ahmad khususnya, dan seluruh warga HPA umumnya, kerana menaja pengajian saya di Bumi Anbia' yang penuh barakah ini. Semoga HPA terus maju dalam melaksanakan misi *"Ke Arah Merealisasikan Tibbun Nabawi"*, mudah-mudahan di akhirat nanti ia menjadi punca shafaat yang besar daripada Nabi Muhammad SAW buat umatnya yang cuba menghidupkan kembali sunnah Baginda serta menyebarkannya kepada seluruh umat manusia. Sesungguhnya Baginda merupakan rahmat bagi sekalian alam.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ustaz Abdul Hadi Bin Mad Isa dan Ustaz Sabri Bin Yamin kerana pernah meminta saya menulis secara ringkas mengenai ilmu perubatan. Idea dan cadangan itu merupakan salah satu punca yang membuatkan saya tergerak untuk menghasilkan risalah ini. Mungkin ketika itu saya belum bersedia, sekarang terimalah tulisan ringkas ini seadanya, moga ia memenuhi kehendak dan permintaan ustaz berdua.

Akhir kata, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam membantu saya sepanjang menyiapkan risalah ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah yang mampu membalas jasa baik anda semua. Doakan agar saya sentiasa diberi taufik dan hidayah untuk meneruskan usaha penyusunan ilmu perubatan yang berlandaskan shariatullah dan sunnatullah, inshaAllah.

NASEER SOBREE

23 Muharram 1434,
7 Disember 2012,
Ḥayy ʻĀshir,
Kaherah,
Mesir.



MUQADDIMAH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء
والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين. ربنا اشرح لنا صدورنا
ويسر لنا أمورنا واحلل عقدا من ألسنتنا يفقهوا أقوالنا.
سبحانك لا علم لنا إلا ما علمتنا إنك أنت
العليم الحكيم. ربنا زدنا علما نافعا
وارزقنا فهما واسعا وذكرنا
منهما ما نسينا وعلمنا
منهما ما
جهلنا



Buku ini saya namakan *Risalah Ilmu Perubatan.* Risalah ini merupakan sebuah integrasi antara Perubatan Ibnu Sina dan Perubatan Moden. Risalah ini bukanlah satu huraian mendalam mengenai segala perkara yang berkait dengan bidang perubatan, tetapi ia merupakan tulisan yang ringkas. Ia belum cukup untuk menjadikan pembacanya sebagai fizishen[1], ianya sekadar memberikan gambaran awal bidang ini. Namun, perbincangan dalam risalah ini mungkin berbeza dengan apa yang biasa dipelajari oleh kebanyakan orang mengenai ilmu perubatan.

Risalah ini saya tujukan buat mereka yang tidak mempelajari Perubatan Moden secara formal kerana risalah ini mengandungi asas-asas penting ilmu perubatan yang ditulis secara ringkas, dengannya mereka dapat mengetahui gambaran perbincangan bidang perubatan secara menyeluruh.

Saya tujukan juga kepada mereka yang mempelajari Perubatan Moden secara formal kerana risalah ini cuba menjelaskan prinsip-prinsip asas ilmu perubatan dengan konsep yang holistik dan sistematik berpandukan penulisan tokoh-tokoh perubatan Islam yang terdahulu seperti Ibnu Sina, Ar-Razi dan Ibnun Nafis.

Selain itu, saya persembahkan risalah ini buat

---

[1] Fizishen merujuk kepada pengamal perubatan, sama ada Perubatan Moden atau Perubatan Klasik, juga sama ada Perubatan Konvensional atau Perubatan Alternatif.

mereka yang mempelajari ilmu perubatan dengan penuh minat serta sentiasa berfikir dalam usaha memantapkan ilmu mereka, bukan mereka yang hanya menghafal buta untuk peperiksaan, pantang dikritik, menolak pembaharuan yang bersifat membaik pulih ataupun tidak berani mencuba sesuatu yang baru untuk mendapatkan yang terbaik. Semoga ia menjadi titik permulaan bagi penilaian dan pengkajian semula terhadap apa yang sedia ada, seterusnya dapat menghasilkan sesuatu yang terbaik tanpa mengabaikan aspek rohani dalam perawatan, bahkan kesihatan rohani dijadikan sebagai keutamaan yang paling tinggi.

Perubatan Ibnu Sina lebih dikenali sebagai Perubatan Yunani *(Unani Medicine)*, ia dikenali juga dengan beberapa nama lain seperti Perubatan Greek, Perubatan Arab dan Perubatan Greek-Arab *(Graeco-Arabic Medicine)*. Ia diasaskan secara rasmi oleh Bapa Perubatan iaitu Hippocrates yang berasal daripada Greek. Beliau meletakkan asas-asas penting ilmu perubatan dan hasil karya beliau diamalkan oleh masharakat Greek ketika itu.

Penulisan Hippocrates menjadi rujukan penting dalam ilmu perubatan, namun tidak ramai yang mengembangkan atau menilai kembali apa yang telah dihasilkan sekian lama. Setelah tempoh yang agak panjang selepas kematian Hippocrates, muncul seorang lagi yang berbangsa Greek yang melakukan penambahan dan pembaharuan dalam Perubatan Greek. Orang yang dimaksudkan ialah Galen. Galen

menulis pelbagai buku dalam pelbagai tajuk ilmu perubatan.

Ilmu ini seterusnya berpindah ke tangan bangsa Arab iaitu setelah proses penterjemahan karya-karya para pemikir Greek dilakukan oleh beberapa tokoh berbangsa Arab. Selain ilmu perubatan, pelbagai karya dalam bidang lain turut diterjemahkan seperti ilmu logik, metafizik, matematik, biologi, astronomi dan fizik. Hunain Bin Ishaq merupakan salah seorang tokoh penting dalam proses penterjemahan ini, beliau menterjemahkan pelbagai karya milik Hippocrates dan Galen.

Tokoh yang terkenal pada tahap permulaan ilmu perubatan di tangan orang Islam ialah Abu Bakar Ar-Razi. Beliau menulis beberapa kitab seperti *al-Manṣūriyy fī al-Ṭibb, Ṭibb al-Fuqarā'* dan *al-Ṭibb al-Rūḥāniyy,* namun kitabnya yang paling terkenal ialah *al-Ḥāwī fī al-Ṭibb.* Tokoh penting seterusnya ialah Ali Bin Abbas Al-Ahwazi atau dikenali juga sebagai Al-Majusi. Kitab beliau yang terkenal ialah *Kāmil al-Ṣinā'ah al-Ṭibbiyyah.* Kitab beliau menjadi rujukan penting pada masa itu sehinggalah kemunculan Ibnu Sina dengan kitabnya yang sangat terkenal dan berpengaruh iaitu *al-Qānūn fī al-Ṭibb.* Kitab ini menjadi rujukan yang sangat meluas ketika itu, bahkan ia turut digunakan oleh bangsa Eropah di universiti-universiti mereka selama ratusan tahun. Kehebatan kitab *al-Qānūn fī al-Ṭibb* telah menyebabkan tiada penulis lain yang berjaya menjejaskan kedudukan kitab ini dalam masharakat ketika itu.

Setelah tempoh yang agak lama barulah muncul seorang tokoh perubatan yang hebat iaitu Ibnun Nafis. Beliau meneruskan ilmu perubatan dengan disiplin yang diwarisi sejak dahulu, namun beliau membuat kritikan dan pembetulan terhadap tulisan-tulisan terdahulu khususnya terhadap penulisan Galen dan Ibnu Sina. Hal ini boleh dilihat dengan jelas dalam penulisannya seperti *al-Mūjaz fī al-Ṭibb* yang merupakan ringkasan bagi *al-Qānūn fī al-Ṭibb* dan juga *Sharḥu Tashrīḥ al-Qānūn* yang merupakan sharah kepada bahagian anatomi dalam kitab *al-Qānūn fī al-Ṭibb.* Beliau membuat pelbagai penemuan dalam anatomi, antaranya ialah penemuan peredaran darah pulmonari *(pulmonary circulation)* dan juga salur arteri koronari yang menjadi sumber nutrien bagi jantung. Sekiranya beliau sempat menghabiskan karya beliau yang bertajuk *al-Shāmil fī al-Sināʻah al-Ṭibbiyyah,* mungkin karya itu menjadi satu karya perubatan yang bertahap ensiklopedia dan yang paling besar yang pernah ditulis pada zaman itu. Hal ini dapat dilihat pada senarai kandungan kitab tersebut yang ditulis oleh Ibnun Nafis sendiri. As-Subki menyatakan di dalam kitabnya *al-Ṭabaqāt al-Shāfiʻiyyah al-Kubrâ* bahawa sekiranya kitab itu siap ditulis, nescaya ia menjadi 300 jilid. Tetapi jumlah yang sempat disiapkan hanyalah 80 jilid.

Sumbangan umat Islam dalam bidang perubatan secara rasmi boleh dikatakan terhenti setakat itu sahaja. Tiada tokoh-tokoh lain yang muncul seperti tokoh-tokoh terdahulu, selepas itu penulisan ilmu perubatan banyak melibatkan ringkasan dan sharahan kepada

kitab-kitab yang telah ditulis oleh generasi terdahulu.

Dunia barat ketika itu sudah berjaya meninggalkan zaman gelap mereka, mereka memulakan pengkajian sendiri dan memulakan sistem baru yang dikenali sebagai Perubatan Moden atau Perubatan Barat. Walau bagaimanapun, tidak terlalu banyak perbezaan antara Perubatan Greek-Arab dengan Perubatan Moden kerana hampir semua asas Perubatan Moden diambil daripada Perubatan Greek-Arab. Contohnya adalah seperti penggunaan istilah-istilah dalam perubatan dan juga konsep pertanganan[2] khususnya pembedahan. Abul Qasim Az-Zahrawi memainkan peranan yang sangat penting dalam bidang pembedahan, karya beliau yang bertajuk *al-Taṣrīf* bahagian *al-Jirāḥah* boleh dikatakan sebagai dasar bagi bidang pembedahan yang wujud sekarang ini. Perkara baru dalam Perubatan Moden melibatkan penemuan organisma kecil seperti bakteria, ia mengubah persepsi mereka selama ini mengenai konsep punca penyakit yang menyebabkan mereka lebih tertumpu untuk menyerang organisma-organisma ini dengan pelbagai cara seperti penggunaan antibiotik, mereka tidak lagi memfokuskan kepada penjagaan kesihatan yang merupakan kunci sebenar bagi kesihatan yang optimum, khususnya penjagaan makan dan minum.

---

[2] Pertanganan ialah konsep perawatan menggunakan tangan, sama ada penggunaan tangan semata-mata atau dibantu dengan alatan tertentu. Istilah asalnya dalam Bahasa Arab ialah *a'māl al-yad* yang bermaksud *perbuatan tangan.*

Selain itu, Perubatan Moden juga menggunakan konsep kimia moden menggantikan konsep *arkan* dan *mizaj* dalam Perubatan Greek-Arab.

Dalam beberapa perkara, Perubatan Greek-Arab mempunyai persamaan dengan sistem-sistem perubatan tradisional yang lain seperti Perubatan Tradisional Cina dan Perubatan Ayurveda. Prinsip-prinsip Perubatan Greek-Arab turut mewarnai Perubatan Tradisional Melayu, hal ini dapat dilihat dalam karya Perubatan Tradisional Melayu seperti kitab Ilmu Tabib dan Tayyibul Ihsan. Konsep dalam Perubatan Greek-Arab seperti *arkān*[3], *akhlāṭ*[4] dan *mizāj*[5] boleh dilihat dengan jelas dalam kitab-kitab tersebut. Mungkin pengaruh Perubatan Greek-Arab ini dibawa oleh para pendakwah yang datang dari dunia Arab ke dunia Melayu di samping menyampaikan ajaran Islam kepada penduduk di kepulauan Melayu.

Kini, Perubatan Greek-Arab dikatakan masih diamalkan di India dan Pakistan. Di sana Perubatan

---

[3] *Arkān* merupakan kata jamak bagi *rukn* yang membawa maksud unsur atau elemen. Arkan di sini merujuk kepada empat unsur dalam sains klasik, iaitu unsur api, unsur angin, unsur air dan unsur tanah.

[4] *Akhlāṭ* ialah Kata Jamak bagi *khilṭ* yang bermaksud campuran. Campuran di sini merujuk kepada campuran *arkān* yang akhirnya menjadi cecair tubuh, dikenali juga sebagai humor. Ada empat jenis *akhlāṭ* iaitu darah *(damm)*, dahak *(balgham)*, hempedu kuning *(ṣafrā')* dan hempedu hitam *(sawdā')*.

[5] *Mizāj* ialah sifat bagi gabungan *arkān*. Terdapat empat jenis *mizāj* iaitu panas, sejuk, kering dan basah.

Greek-Arab mempunyai sistem pengajarannya yang tersendiri, ia diajarkan di universiti-universiti sebagai satu jurusan yang rasmi seperti Perubatan Moden juga. Namun, bagi saya ia belum mencukupi kerana pengajaran di sana tidak bersifat integrasi. Apa yang dimaksudkan dengan integrasi di sini ialah proses mengenal pasti maksud sebenar di sebalik konsep Perubatan Greek-Arab lalu disepadankan secara tepat dengan ilmu sains semasa khususnya ilmu perubatan. Tetapi hal itu masih tidak dapat menjamin sebuah sistem yang sempurna kerana sains dan Perubatan Moden masih banyak kekurangannya, khususnya apabila melibatkan sikap dalam menghadapi sesuatu penyakit. Ada perkara yang benar secara realiti namun ditolak hanya kerana tidak ditemui mekanismenya yang jelas dan pasti. Mereka perlu sedar bahawa apa yang mereka yakini sekarang ini sebagai fakta mungkin akan berubah pada masa akan datang, begitulah juga perkara yang dianggap salah mungkin akan terbukti kebenarannya. Hal ini dapat dilihat dalam perkembangan sains semasa di mana banyak perkara yang telah dianggap sebagai fakta pada suatu masa dahulu adalah tidak benar dan tidak relevan lagi pada masa kini.

Risalah ini saya susun dalam tujuh bahagian yang sebelumnya didahului dengan pengenalan kepada disiplin Perubatan Greek-Arab secara ringkas. Semoga risalah ini dapat memberikan gambaran umum mengenai Perubatan Greek-Arab dan Perubatan Moden kepada para pembaca sekalian. Sebaik-baiknya risalah

ini dibaca daripada awal kerana kebanyakan istilah dan konsep yang digunakan pada tajuk-tajuk yang akhir adalah berdasarkan apa yang telah dinyatakan dan dijelaskan dalam tajuk-tajuk yang awal. Wallahua‘lam.



PENGENALAN

PERUBATAN GREEK-ARAB

Secara umumnya, Perubatan Greek-Arab disusun oleh kebanyakan penulis dengan menjadikan penulisan mereka tiga bahagian. Tiga bahagian yang dimaksudkan ialah;

1. Prinsip Umum
2. Senarai Ubatan
3. Penyakit Dan Rawatan

PRINSIP UMUM : Bahagian prinsip umum membincangkan asas-asas penting bagi Perubatan Greek-Arab. Ia dikenali juga sebagai *al-kulliyyāt*. Ia mesti dikuasai dengan baik sebelum seseorang itu memasuki bahagian-bahagian lain. Ia terbahagi kepada dua iaitu;

1. Teoretikal
2. Praktikal

TEORETIKAL : Tajuk teoretikal mengandungi empat perbincangan iaitu;

1. Perkara Tabi'i
2. Penyakit
3. Punca
4. Tanda

PERKARA TABI‘I : Tajuk perkara tabi’i membincangkan perkara-perkara dasar bagi manusia yang berada dalam keadaan normal dan sihat. Ia melibatkan perbincangan mengenai tujuh perkara iaitu;

1. Unsur
2. Mizaj
3. Humor
4. Organ
5. Ruh
6. Tenaga
7. Fungsi

Unsur ialah jirim terkecil yang wujud di alam dunia dan tidak boleh dipecahkan lagi. Terdapat empat jenis unsur iaitu api, angin, air dan tanah. Unsur api bersifat panas dan kering, unsur angin bersifat panas dan basah, unsur air bersifat sejuk dan basah, unsur tanah bersifat sejuk dan kering.

Mizaj ialah sifat yang wujud pada struktur yang terhasil daripada gabungan unsur-unsur. Terdapat sembilan jenis mizaj iaitu panas, sejuk, basah, kering, panas dan kering, panas dan basah, sejuk dan basah, sejuk dan kering, seimbang.

Humor ialah cecair tubuh. Terdapat empat jenis humor yang utama iaitu darah, dahak, hempedu kuning dan hempedu hitam. Darah bersifat panas dan basah, dahak bersifat sejuk dan basah, hempedu kuning bersifat panas dan kering, hempedu hitam bersifat sejuk

dan kering.

Organ ialah struktur yang terhasil daripada humor. Terdapat dua jenis organ iaitu organ tunggal dan organ kompleks. Organ tunggal dalam Perubatan Greek-Arab bermaksud struktur yang sama jenis, ia merujuk kepada istilah tisu dalam Perubatan Moden seperti tisu otot, tisu adipos, tisu tulang dan tisu rawan. Organ kompleks pula merujuk kepada campuran beberapa organ tunggal iaitu apa yang difahami sebagai organ dalam Perubatan Moden seperti jantung, hati, mata, peparu dan usus.

Ruh menurut konteks sains semasa boleh diterjemahkan sebagai oksigen. *Rūḥ* ialah bahan halus yang wujud pada *nasīm* (udara) di sekeliling manusia. Ia memberi tenaga dan kekuatan kepada manusia. Apabila ruh telah digunakan, ia perlu dibuang dan diganti dengan udara yang baru. Dalam risalah ini saya menggunakan istilah oksigen, bukan ruh. Adapun istilah "roh" dalam risalah ini merujuk kepada jiwa manusia.

Tenaga atau quwwah ialah potensi serta kemampuan yang mengawal segala proses tubuh. Terdapat tiga jenis quwwah iaitu quwwah nafsaniyyah, quwwah hayawaniyyah dan quwwah tabi'iyyah.

Fungsi ialah proses yang dilakukan oleh quwwah melalui perantaraan organ. Ada fungsi yang hanya melibatkan satu quwwah seperti penghadaman yang menggunakan quwwah tabi'iyyah, ada juga fungsi yang melibatkan lebih daripada satu quwwah seperti rasa

lapar yang menggunakan quwwah tabi'iyyah dan quwwah nafsaniyyah.

PENYAKIT : Tajuk penyakit membincangkan asas bagi perkara-perkara yang tidak normal bagi seseorang manusia. Terdapat dua jenis penyakit iaitu penyakit tunggal dan penyakit kompleks. Terdapat tiga jenis penyakit tunggal iaitu;

1. Ketidakseimbangan Mizaj
2. Masalah Keadaan Organ
3. Peleraian Struktur

Penyakit kompleks pula terhasil daripada gabungan penyakit-penyakit tunggal seperti bengkak.

PUNCA : Punca ialah perkara yang boleh mendatangkan kesihatan atau penyakit kepada manusia. Terdapat enam jenis punca yang utama iaitu;

1. Udara Yang Mengelilingi
2. Makan Dan Minum
3. Gerak Dan Diam Tubuh
4. Gerak Dan Diam Perasaan
5. Tidur Dan Jaga
6. Pengosongan

TANDA : Tanda ialah perkara yang boleh menunjukkan keadaan seseorang sama ada sihat atau sakit. Terdapat empat tanda yang utama dalam Perubatan Greek-Arab iaitu;

1. Tanda Mizaj
2. Palpasi Nadi
3. Pemerhatian Urin
4. Pemerhatian Tinja

PRAKTIKAL : Tajuk praktikal terbahagi kepada dua iaitu;

1. Penjagaan Kesihatan
2. Perawatan Penyakit

PENJAGAAN KESIHATAN : Penjagaan kesihatan ialah usaha memelihara kesihatan yang wujud dengan menggunakan konsep penyamaan melalui pengurusan dan pemanipulasian terhadap enam punca yang telah dinyatakan.

PERAWATAN PENYAKIT : Perawatan penyakit ialah usaha menghilangkan penyakit yang menimpa dengan menggunakan konsep pertentangan melalui tiga perkara iaitu;

1. Pengurusan *(management)*.
2. Pengubatan *(medication)*.
3. Pertanganan *(regimentation)*.

Pengurusan ialah perawatan dengan cara menguruskan keenam-enam punca yang telah dinyatakan. Pengubatan ialah perawatan dengan cara menggunakan bahan-bahan tertentu seperti tumbuhan, haiwan dan mineral. Pertanganan ialah rawatan yang

menggunakan kemahiran tangan yang mungkin dibantu oleh beberapa alatan, contohnya ialah urutan, balutan, bekam dan pembedahan.

SENARAI UBATAN : Bahagian ini membincangkan tiga perkara utama iaitu;

1. Prinsip-prinsip asas mengenai ubatan.
2. Senarai ubatan tunggal *(adwiyah mufradah)*.
3. Senarai ubatan kompleks *(adwiyah murakkabah)*.

Prinsip-prinsip asas mengenai ubatan melibatkan perbincangan mengenai jenis ubatan, sifat ubatan, cara mengenali sifat ubatan dan juga jenis-jenis fungsi ubatan kepada tubuh manusia.

Senarai ubatan tunggal melibatkan perbincangan mengenai jenis-jenis ubatan satu persatu secara spesifik berdasarkan jenisnya tanpa dicampur dengan bahan lain, tiga jenis ubatan yang utama ialah mineral, tumbuhan dan haiwan. Antara perkara yang dibincangkan ialah sifat ubatan, bahagian yang digunakan, cara menyediakan ubatan dan fungsi ubatan pada organ yang berbeza. Bidang ini dikenali juga sebagai *materia medica.*

Senarai ubatan kompleks merupakan perbincangan mengenai ubatan yang dihasilkan daripada campuran beberapa ubatan tunggal. Antara perkara yang dibincangkan ialah jenis bahan yang diperlukan untuk menghasilkan ubatan kompleks, cara menyediakannya dan fungsi ubatan kompleks tersebut kepada tubuh. Bidang ubatan kompleks dikenali juga

sebagai *aqrabāżīn* atau *pharmacopoeia.* Salah satu ubatan kompleks yang terkenal dan banyak digunakan dalam Perubatan Greek-Arab ialah *sakanjabīn (oxymel)* iaitu campuran madu dan cuka. Ia dianggap sebagai penawar bagi segala penyakit, panasea *(panacea).*

PENYAKIT DAN RAWATAN : Bahagian ini membincangkan penyakit secara khusus berserta punca, tanda dan cara merawatnya. Ia terbahagi kepada dua iaitu;


1. Penyakit yang menimpa sesuatu organ secara khusus.
2. Penyakit yang tidak menimpa sesuatu organ secara khusus.

Penyakit yang menimpa sesuatu organ secara khusus ialah penyakit yang boleh berlaku pada sesuatu organ tanpa melibatkan organ lain. Contohnya ialah hepatitis dan gastritis. Penyakit yang tidak menimpa sesuatu organ secara khusus ialah penyakit yang melibatkan hampir kesemua organ. Contohnya ialah demam yang menyebabkan peningkatan suhu pada seluruh tubuh.

Konsep penyakit khusus dan tidak khusus ini boleh dikaitkan dengan Perubatan Moden melalui konsep penyakit setempat *(local diseases)* dan penyakit sistemik *(systemic diseases).* Perbincangan mengenai penyakit setempat dan penyakit sistemik melibatkan puncanya, tandanya dan juga cara merawat penyakit tersebut.

Inilah dia kaedah dan bentuk penulisan Perubatan Greek-Arab yang digunakan oleh kebanyakan penulis dalam bidang ini. Wallahua‘lam.




PERUBATAN GREEK-ARAB
Prinsip Umum
Teori
Sihat
Unsur
Mizaj
Humor
Organ
Ruh
Tenaga
Fungsi
Sakit
Penyakit Tunggal
Penyakit Kompleks
Punca
Persekitaran
Diet
Pergerakan
Perasaan
Kesedaran
Pengosongan
Tanda
Tanda Mizaj
Palpasi Nadi
Pemerhatian Urin
Pemerhatian Tinja
Amali
Penjagaan Kesihatan
Perawatan Penyakit
Pengurusan
Pengubatan
Pertanganan
Ubatan
Prinsip
Ubatan Tunggal
Ubatan Kompleks
Penyakit Dan Rawatan
Penyakit Setempat
Penyakit Sistemik

BAHAGIAN SATU :

PRINSIP BIDANG PERUBATAN

Bahagian satu risalah ini akan membincangkan prinsip-prinsip dasar bidang perubatan yang perlu dikuasai dengan baik oleh sesiapa sahaja yang ingin menceburkan diri dalam bidang ini. Bahagian ini melibatkan perbincangan mengenai tiga perkara dalam tiga bab iaitu;

Bab 1 : Rukun Perawatan
Bab 2 : Keadaan Manusia
Bab 3 : Pengenalan Ilmu Perubatan

BAB 1 : RUKUN PERAWATAN

Perawatan ialah;

"Perbuatan seseorang fizishen yang merawat pesakitnya dengan bahan tertentu berlandaskan ilmu tertentu."

Berdasarkan definisi ini maka dapatlah kita ketahui bahawa rukun dan asas perawatan ada empat, kesemuanya dibincangkan dalam empat fasal iaitu;

Fasal 1 : Fizishen
Fasal 2 : Pesakit
Fasal 3 : Bahan
Fasal 4 : Ilmu

FASAL 1 : FIZISHEN

Fizishen ialah pengamal perubatan, iaitu orang yang melakukan perawatan. Dalam masharakat Melayu, fizishen dikenali juga sebagai tabib, dukun, bomoh atau pawang. Dalam Perubatan Moden fizishen dikenali sebagai doktor, manakala dalam Perubatan Greek-Arab fizishen dikenali sebagai *ḥakīm*. Apabila seseorang itu ingin melakukan perawatan, maka beberapa persediaan dalam pelbagai sudut perlulah ada, supaya proses perawatannya berjalan dengan lancar dan dianggap sebagai berjaya meskipun pesakitnya tidak berjaya disembuhkan. Antara perkara yang perlu diambil kira oleh para fizishen ialah;

1. Hubungan Dengan Allah
2. Persediaan Diri Fizishen
3. Hubungan Dengan Pesakit
4. Sikap Terhadap Ilmu
5. Sikap Terhadap Profesion Perawatan

HUBUNGAN DENGAN ALLAH : Dari sudut

hubungannya dengan Allah, seseorang fizishen itu perlulah menjaga segala perbuatan, ucapan dan hatinya. Ketiga-tiganya mestilah selari dengan kehendak Allah sama ada dalam perkara suruhan atau larangan.

Fizishen juga mesti yakin bahawa segala yang berlaku sepanjang urusannya merawat pesakit adalah dengan kehendak dan izin Allah semata-mata. Kejayaan atau kegagalannya merawat pesakit adalah ketentuan Allah. Oleh itu fizishen tidak boleh berbangga dengan kejayaannya kerana semua itu adalah daripada Allah. Begitulah juga dengan kegagalannya, fizishen tidak boleh kecewa dan berputus asa jika kegagalannya itu berlaku setelah ia merawat dengan penuh doa, ilmu, usaha dan tawakal yang lengkap.

"Tidaklah sesuatu musibah itu menimpa sama ada di bumi atau pada diri kamu melainkan semuanya sudah berada di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) sebelum Kami menciptakannya (musibah), sesungguhnya perkara itu bagi Allah adalah mudah.

Supaya kamu tidak berduka cita dengan apa yang hilang daripada kamu dan supaya kamu tidak bergembira dengan apa yang diberikan kepada kamu, sesungguhnya Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong lagi membanggakan diri."

(Al-Hadid : 22-23)

Dan bukanlah kamu yang melontar ketika kamu melontar,
tetapi Allah-lah yang melontar.”

(Al-Anfal : 17)

Dalam Kitab *al-Ṭibb al-Nabawiyy,* Imam Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah telah menyatakan bahawa;

Telah diriwayatkan dalam sebuah kisah Israiliyyat;
Bahawasanya Nabi Ibrahim Al-Khalil telah berkata,
"Wahai Tuhanku, daripada siapakah penyakit?"
Allah menjawab, "Daripadaku."
Nabi Ibrahim berkata, "Maka daripada siapakah ubat?"
Allah menjawab, "Daripadaku."
Nabi Ibrahim berkata, "Maka apa gunanya fizishen?"
Allah menjawab, "Ia merupakan orang yang pada tangannya diturunkan ubat."

Wallahua‘lam.

PERSEDIAAN DIRI FIZISHEN : Dari sudut persediaan, fizishen perlu memastikan dirinya sendiri sudah bersedia dan sihat sama ada jasmaninya atau rohaninya. Jasmani fizishen yang bermasalah dan lemah dapat menjejaskan kualiti rawatan, bahkan penyakit yang ada pada pesakit boleh berjangkit kepadanya seperti yang berlaku apabila sistem imuniti fizishen berada dalam keadaan lemah.

Tiada istilah *badi* atau apa sahaja yang menunjukkan maksud shirik dan khurafat. Apa yang menimpa fizishen setelah rawatan adalah disebabkan

oleh kelemahan dirinya sendiri dari sudut persediaan. Jangan disalahkan makhluq itu dan ini. Jangan dibuka pintu keshirikan, kerana ia sebesar-besar dosa. Jangan disalahkan sesiapa sahaja melainkan diri sendiri. Jangan jadikan kerja merawat yang asalnya adalah ibadah sebagai sumber dosa dan maksiat. Na'uzubillah.

Persediaan rohani yang lemah juga boleh menjejaskan kualiti perawatan. Tanpa semangat dan motivasi yang secukupnya, fizishen akan lemah dan tidak bersungguh-sungguh dalam merawat pesakitnya. Kelemahan rohani juga dapat menjejaskan hubungan fizishen dengan pesakitnya sepertimana orang yang sedang marah mungkin memukul dan memarahi sesiapa sahaja. Oleh itu, pastikan diri sendiri sudah sihat rohani dan jasmani sebelum cuba menyihatkan orang lain.

HUBUNGAN DENGAN PESAKIT : Dari sudut hubungannya dengan pesakit, maka hubungannya itu mestilah sebaik-baik hubungan dalam adab dan komunikasinya. Perkara ini sangat penting kerana proses kesembuhan banyak bergantung kepada aspek spiritual pesakit. Jika spiritual pesakit stabil dan sihat, maka semakin mudahlah urusan perawatan, adapun ubat-ubatan dan rawatan hanyalah perkara sampingan sahaja. Galen, seorang tokoh besar Perubatan Greek-Arab pernah berkata;

"Fizishen hanyalah pembantu natur."

Kata-kata ini masih relevan kerana tubuh kita ditadbir oleh satu kemampuan yang dinamakan *mudabbir*[6], mudabbir memainkan peranan yang sangat besar dalam melawan penyakit dan mempercepatkan proses kesembuhan. Mudabbir pula sangat berkait rapat dengan keadaan spiritual seseorang, ini bererti kestabilan spiritual pesakit yang terhasil daripada hubungan dan komunikasi yang baik akan membantu pesakit. Oleh itu fizishen boleh dikatakan sebagai pembantu kepada mudabbir.

Selain itu, fizishen mesti bersifat simpati dan empati terhadap pesakitnya, iaitu merasa belas kasihan dan cuba menyelami perasaan pesakitnya. Dengan itu fizishen akan dapat merawat dengan sepenuh hati dan memahami pesakitnya dengan sebaik-baiknya, seterusnya mampu merawat pesakit itu seolah-olah fizishen itu sedang merawat dirinya sendiri.

SIKAP TERHADAP ILMU : Dari sudut ilmu, fizishen mestilah menguasai ilmu perubatan dengan sebaik-baiknya. Kekurangan atau kesilapan pada ilmu fizishen boleh menjejaskan diagnosisnya, seterusnya menjejaskan ketepatan jenis rawatan yang akan diberikan kepada pesakit. Risikonya ialah penyakit akan berterusan iaitu apabila rawatan yang diberikan tidak memberi sebarang kesan, dan yang lebih teruk lagi ialah keadaan pesakit bertambah parah iaitu apabila rawatan

---

[6] Mudabbir bagaikan satu tenaga yang mengawal proses-proses autonomik, sepertimana roh mengawal proses-proses somatik.

yang diberikan adalah jenis rawatan yang bertentangan dengan keperluan pesakit.

Selain itu, fizishen mestilah jujur dengan ilmunya. Apa yang baik untuk pesakit mesti dikatakan baik, apa yang buruk untuk pesakit mesti dikatakan buruk. Dalam pemilihan jenis rawatan, fizishen mesti memilih rawatan yang terbaik dan kurang kesan sampingannya. Jangan hanya kerana sesuatu rawatan itu sudah lama atau rawatan itu tidak menguntungkannya, maka dipilih rawatan yang tidak sesuai untuk pesakit. Kebenaran sesuatu ilmu perubatan bukanlah bergantung kepada masa wujudnya ia, tetapi berdasarkan keberkesanannya.

"Orang yang mendengar pelbagai perkataan lalu dia mengikut apa yang terbaik daripadanya, mereka itulah orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah dan mereka itulah golongan Ulul Albab."

(Az-Zumar : 18)

SIKAP TERHADAP PROFESION PERAWATAN : Dari sudut profesionnya, fizishen mestilah mengikhlaskan dirinya dalam bidang ini kerana Allah semata-mata. Janganlah ia mempunyai niat lain yang boleh menyebabkan keikhlasannya terganggu, seterusnya menjejaskan kualiti dan sikapnya dalam perawatan. Jadikanlah profesion ini sebagai cara untuk ia berbakti dan membantu manusia. Sedangkan alam, tumbuhan dan haiwan sekalipun disuruh untuk kita berihsan, maka sudah tentu berbakti kepada manusia sangat besar

tuntutannya.

Jika ia berniat untuk mengumpul harta maka fizishen itu akan menolak pesakit yang fakir miskin. Sedangkan mereka juga manusia yang perlukan bantuan, maka berihsanlah kepada mereka. Jika ia berniat mencipta nama, maka fizishen itu akan menolak pesakit biasa yang difikirkan tidak dapat menaikkan namanya. Oleh itu, ikhlaskanlah niat di hati untuk membantu manusia kerana Allah.

Sekiranya fizishen sudah melaksanakan kesemua perkara ini dengan sebaik-baiknya, maka layaklah ia dianggap sebagai fizishen yang berjaya walaupun pesakitnya tidak sembuh, kerana hasil akhir setiap usaha kita mestilah diserahkan sepenuhnya kepada Allah, Dia-lah yang menentukan segala-galanya. Bahkan setiap tenaga yang kita gunakan untuk usaha kita yang bermula daripada awal proses perawatan juga ditentukan oleh Allah. Allah lebih mengetahui sama ada kesembuhan atau kematian yang lebih baik bagi seseorang pesakit. Maka fahamilah hakikat ini.

"Apabila kamu telah berazam maka
bertawakkallah kepada Allah."

(Ali-'Imran : 159)

FASAL 2 : PESAKIT

Pesakit ialah orang yang mengalami keadaan tidak tabi'i. Sebelum merawat tubuh jasmani pesakit,

seseorang fizishen perlu merawat rohani pesakitnya terlebih dahulu. Seperti yang telah disebutkan, kestabilan rohani pesakit sangat penting dalam melakukan proses perawatan.

Tuan Haji Ismail Bin Haji Ahmad dalam bukunya yang bertajuk *Mari Bersama Kami,* telah menyatakan tiga langkah pertama yang perlu diambil oleh fizishen untuk membuka *simpul-simpul* dan *pintu-pintu* kesembuhan pada pesakit. Tiga langkah tersebut ialah;

1. Memberikan suntikan keyakinan.
2. Melenyapkan rasa cemas dan takut.
3. Menumbuhkan sikap sabar.

MEMBERIKAN SUNTIKAN KEYAKINAN : Memberikan suntikan keyakinan bererti seseorang fizishen itu meyakinkan pesakitnya bahawa penyakitnya itu bukanlah sesuatu yang menyedihkan, bahkan ia merupakan "bunga-bunga kasih" daripada Allah. Dengan itu pesakit akan merasakan bahawa penyakitnya itu bukan sebab untuk dia bersedih, bahkan sebagai sebab untuk dia bergembira kerana itu bukti kasih Allah kepadanya. Semoga pesakit itu sentiasa bersangka baik kepada Allah, sekalipun ia tidak berjaya dirawat dan meninggal dunia dengan sebab penyakitnya itu.

"Janganlah seseorang itu mati melainkan dalam keadaan dia bersangka baik kepada Allah."

(Riwayat Bukhari)

“Aku ini berdasarkan sangkaan hamba-Ku terhadap-Ku, dan Aku bersamanya ketika dia mengingati-Ku.”

(Hadis Qudsi Riwayat At-Tirmizi)

Untuk memberikan suntikan keyakinan, fizishen juga perlu sentiasa mengingatkan pesakitnya bahawa setiap penyakit itu ada ubatnya, sepertimana yang telah dinyatakan dalam sebuah hadis Nabi SAW;

“Bagi setiap penyakit ada ubatnya, apabila bertepatan antara penyakit dengan ubatnya maka berlakulah kesembuhan dengan izin Allah.”

(Riwayat Muslim dan Ahmad)

Semoga si pesakit akan terus yakin dan percaya bahawa penyakitnya itu ada penawarnya dan boleh sembuh dengan izin Allah, sekalipun ada fizishen lain yang menyatakan bahawa tiada lagi cara untuk mengubati penyakitnya.

MELENYAPKAN RASA CEMAS DAN TAKUT : Fizishen perlu sedar bahawa pesakit yang datang kepadanya bukanlah semuanya baru pertama kali mencari rawatan, boleh jadi ia telah berjumpa dengan berpuluh-puluh orang fizishen lain sebelum itu. Perkara ini sudah tentu mendatangkan rasa takut dan cemas kepadanya kerana belum ada fizishen yang berjaya menyembuhkannya, ia takut penyakitnya itu memang tiada ubatnya.

Berdasarkan keluhan dan luahan pesakit kepada

fizishen, fizishen dapat mengenalpasti bagaimana situasi pesakit ketika itu, sama ada tenang atau cemas. Maka jadilah fizishen yang istimewa baginya, berikanlah khabar gembira kepadanya. Mungkin fizishen itu tetap tidak berjaya merawat penyakit jasmaninya kerana setiap yang bernyawa pasti akan merasai mati, tetapi sekurang-kurangnya ia berjaya merawat rohani pesakit dengan menghilangkan rasa cemas dan takutnya itu. Ingatkanlah pesakit kepada "ayat-ayat cinta" daripada Allah yang terkandung dalam "surat cinta"-Nya.

"Dan Kami akan uji kamu dengan sesuatu daripada ketakutan, kelaparan, kekurangan pada harta benda, nyawa dan hasil tanaman. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang bersabar."

(Al-Baqarah : 155)

MENUMBUHKAN SIKAP SABAR : Sepanjang proses rawatan, terdapat pelbagai perkara yang mungkin berlaku, namun apa yang kurang disenangi oleh pesakit ialah ketidaksembuhan atau lambatnya kesembuhan. Mungkin fizishen sudah berjaya memberikan keyakinan kepada pesakitnya, mungkin fizishen berjaya menghilangkan rasa cemas pada pesakitnya, tetapi tempoh perawatan yang sangat lama boleh menghilangkan dua "ubat" yang telah diberikan sebelum ini iaitu keyakinan dan hilangnya rasa cemas.

Apabila fizishen mengesan situasi yang sebegitu, maka tumbuhkanlah sikap sabar kepada pesakitnya.

Ingatkanlah pesakit itu bahawa seluruh hidupnya adalah ujian, bukan sekadar penyakitnya itu atau kesusahan yang lain, bahkan semua yang dihadapinya sama ada kesenangan dan kesusahan adalah ujian daripada Allah. Ingatkanlah pesakit bahawa ia beruntung kerana ramai yang diuji dengan kesenangan lalu lalai dan lupa kepada Allah, sedangkan dirinya diuji dengan kesusahan dan berpeluang untuk kembali kepada Allah.

Ingatkanlah juga pesakit itu bahawa ujian itu merupakan sharat keimanan, kerana keimanan itu mesti diuji keasliannya dan kualitinya sebagaimana emas asli mesti dibakar dengan api yang panas, semata-mata untuk membuang segala ketidakaslian, maka terhasillah emas yang sangat cantik dan asli sepertimana iman yang kuat dan bersih daripada sebarang dosa.

"Adakah manusia menyangka mereka dibiarkan berkata 'kami telah beriman' sedangkan mereka belum diuji."

(Al-'Ankabut : 2)

Akhirnya, apabila segala "simpulan" dan "pintu" telah dibuka, maka mulakanlah rawatan yang selanjutnya dengan penuh persediaan dan pergantungan kepada Allah yang setinggi-tingginya.

Jika pesakit itu sembuh, maka ia akan sembuh sebagai seorang hamba Allah yang taat dan patuh kepada Allah, inshaAllah. Sekiranya ia tidak sembuh, bahkan meninggal dunia, maka berbahagialah pesakit

itu kerana ia kembali kepada Tuan dan Tuhannya dengan hati yang sejahtera dan jiwa yang tenang. Itulah hakikat kesembuhan dan kesihatan yang hakiki, iaitu kesihatan roh dan jiwa. Sudah tentu ganjaran yang besar juga menanti perawatnya, inilah dia sebaik-baik ganjaran daripada Allah, ganjaran yang lebih baik daripada dunia dan seisinya, inshaAllah.

"Pada hari yang tiada gunanya harta dan anak-pinak. Melainkan sesiapa yang datang kepada Allah dengan hati yang sejahtera."

(Ash-Shu'ara' : 88-89)

"Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dalam keadaan meredai dan diredai, maka masuklah dalam kalangan hamba-Ku, dan masuklah ke dalam shurga-Ku."

(Al-Fajr : 27-30)

FASAL 3 : BAHAN

Bahan rawatan ialah apa-apa sahaja yang digunakan oleh fizishen untuk mengubati pesakitnya. Secara umumnya, bahan rawatan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu alatan dan ubatan.

1. Alatan
2. Ubatan

ALATAN : Alatan ialah bahan yang digunakan untuk membantu proses rawatan dan ia bukanlah bahan

sebenar yang bertujuan merawat, atau dalam erti kata lain boleh kita katakan sebagai bahan bantuan perawatan, contohnya ialah pisau bedah, kayu refleksologi, jarum bekam, jarum akupunktur, termometer, picagari dan sebagainya. Tiada perbincangan yang khusus untuk alatan, apa-apa sahaja yang dirasakan sesuai untuk membantu proses rawatan maka ia boleh digunakan.

UBATAN : Adapun bahan rawatan jenis ubatan bererti bahan yang digunakan secara khusus untuk rawatan dan memberi kesan kepada pesakit secara langsung. Terdapat dua jenis ubatan iaitu;

1. Ubatan abstrak seperti bacaan-bacaan tertentu.
2. Ubatan material seperti habbatus sauda'.

UBATAN ABSTRAK : Ubatan abstrak mestilah berasaskan wahyu iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Sebaik-baik bacaan ialah ayat-ayat Al-Quran dan zikir-zikir yang ma'sur daripada Nabi Muhammad SAW kerana kedua-duanya datang daripada Allah, Tuhan yang menciptakan segala penyakit dan ubatnya.

"Dan Kami turunkan daripada Al-Quran sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman."

(Al-Isra' : 82)

"Dan tidaklah dia (Nabi Muhammad) bercakap berdasarkan hawa nafsu. Ia tidak lain dan tidak bukan ialah wahyu yang diturunkan."

(An-Najm : 3-4)

Adapun bacaan-bacaan lain seperti doa atau wirid-wirid tertentu, maka ia mestilah bebas daripada sebarang unsur-unsur shirik atau khurafat.

Sesungguhnya rawatan yang berunsurkan shirik adalah tertolak menurut sharak, bahkan lebih baik seseorang itu menderita penyakit jasmaninya secara berterusan berbanding ia melakukan shirik kepada Allah walaupun hanya sekali.

"Dan bahawasanya terdapat segolongan manusia meminta perlindungan daripada segolongan jin, maka bertambahlah penderhakaan mereka."

(Al-Jin : 6)

Shirik merupakan sebesar-besar dosa dan itulah satu-satunya dosa yang secara pasti tidak akan diampunkan oleh Allah melainkan jika ia bertaubat dengan sebenar-benar taubat, na'uzubillahi min zalik.

"Sesungguhnya Allah tidak mengampunkan seseorang yang melakukan shirik kepada-Nya, dan Dia mengampunkan apa-apa selain itu bagi sesiapa yang Dia kehendaki, dan sesiapa yang melakukan shirik kepada Allah maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang sangat besar."

(An-Nisa : 48

UBATAN MATERIAL : Mengenai ubatan yang bersifat material, secara prinsipnya ia mestilah halal dan baik atau dikenali juga sebagai *ḥalālan ṭayyiban.* Sesungguhnya Allah telah menciptakan pelbagai jenis tumbuhan, haiwan dan bahan galian di muka bumi ini untuk kita gunakan sebagai ubat-ubatan, tidak perlu dicari bahan-bahan yang haram.

"Wahai manusia, makanlah apa-apa di muka bumi ini yang halal lagi baik."

(Al-Baqarah : 168)

Berkaitan prinsip halal, ubatan yang digunakan mestilah bebas daripada sebarang sumber yang dikatakan haram kerana zatnya *(ḥarām liżātihi),* iaitu bahan yang sememangnya haram kerana Allah telah menetapkan sifat haram padanya sejak awal lagi. Contohnya ialah babi, najis, darah dan bangkai.

Bahan-bahan sebegini mestilah dielakkan kerana walaupun ia mungkin memberi kesembuhan jasmani, namun rohaninya akan rosak. Sedangkan makanan yang shubhah pun sudah cukup untuk menggelapkan dan mengeraskan hati, apatah lagi bahan yang sudah jelas haramnya. Apa gunanya jasmani yang sihat tanpa ada keberkatan padanya, sedangkan mencari keberkatan hidup itulah antara matlamat terbesar bagi manusia.

Begitulah juga dengan bahan yang haram bukan kerana zatnya *(ḥarām lighayri żātihi),* iaitu bahan yang pada asalnya halal, tetapi menjadi haram dengan sebab-sebab lain. Contohnya ialah daging ayam yang asalnya halal, tetapi menjadi haram kerana ia diperolehi dengan cara mencuri, maka ia haram untuk digunakan atau dimakan.

"Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat, dan Dia telah menjadikan bagi setiap penyakit ada ubatnya, maka berubatlah, dan jangan berubat dengan sesuatu yang haram."

(Riwayat Abu Daud)

Walau bagaimanapun, sekiranya pesakit berada dalam keadaan darurat, iaitu ketika tiada lagi bahan lain yang boleh digunakan untuk menyelamatkan nyawa pesakit melainkan dengan bahan yang haram, maka ketika itu penggunaan bahan yang haram dibenarkan, namun ia mestilah digunakan menurut kadar yang diperlukan sahaja.

Tetapi apa yang menjadi masalah sekarang ialah banyak ubatan yang sengaja dibuat daripada bahan yang haram sedangkan sumber-sumber yang halal masih banyak. Oleh itu berhati-hatilah apabila menerima rawatan daripada fizishen bukan Islam atau fizishen yang Islam tetapi tidak amanah dan tidak jujur dengan kerjanya, kerana mereka mungkin memasukkan ubatan yang haram ke dalam tubuh kita tanpa kita sedar.

Masalah lain yang turut berlaku ialah penggunaan ubatan haram pada pesakit yang belum sampai tahap darurat iaitu tahap antara hidup dan mati.

Berkaitan prinsip baik atau *ṭayyiban*, maka ubatan yang digunakan mestilah benar-benar berfungsi sebagai ubat, bukan racun yang merosakkan tubuh. Sebaik-baik ubatan yang digunakan ialah ubatan yang bersifat alamiyyah iaitu ubatan yang dihasilkan daripada bahan galian, tumbuhan atau haiwan tanpa sebarang pengubahsuaian yang melampau.

Para fizishen sepatutnya meyakini bahawa Allah telah menciptakan alam ini penuh dengan pelbagai keperluan manusia, diciptakan semua itu dalam kadar dan susunan yang seimbang. Maka itulah sebaik-baik bahan yang kita gunakan sama ada untuk dimakan atau digunakan sebagai ubat.

"Dia-lah yang telah menciptakan segala yang ada di muka bumi ini untuk kamu."

(Al-Baqarah : 29)

Sebarang pengubahsuaian yang melampau atau pengekstrakan bahan-bahan aktif yang tertentu dapat mengganggu keseimbangan yang telah Allah ciptakan, lalu menyebabkan ubat itu mempunyai kesan sampingan yang kuat dan memudaratkan. Apa yang telah Allah ciptakan adalah sangat sempurna, terserah kepada manusia bagaimana untuk menggunakannya dengan cara yang sepatutnya.

Selain pengekstrakan bahan aktif, ada juga pihak yang cuba mencipta semula bahan aktif yang berasal daripada ubatan semula jadi dengan bahan-bahan tertentu. Hanya berpandukan ilmu kimia semata-mata, mereka yakin bahawa struktur bahan baru yang mereka cipta itu adalah sama dengan struktur asal bahan tersebut. Bahan baru ini dinamakan ubatan sintetik atau tiruan.

Walau bagaimanapun, bahan tiruan ini tidaklah sama dengan bahan yang asli. Ukuran yang mereka gunakan iaitu peringkat kimia adalah terlalu besar dan terlalu kasar untuk dikatakan bahawa ubatan tiruan sama dengan bahan yang asli secara mutlak. Masih banyak struktur lain yang lebih kecil yang sangat penting dan perlu diambil kira dalam bidang perubatan, namun manusia masih belum mampu menerokainya.

Perbezaan antara kedua-duanya dapat dilihat dalam beberapa aspek khususnya dari sudut kesan kepada tubuh dan juga sifat bahan tersebut secara fizik. Sekiranya manusia mampu mencipta alat dengan kuasa magnifikasi yang tinggi dan skala ukuran yang sangat halus, maka pasti akan terbukti 1001 perbezaan antara bahan tiruan dengan bahan asli. Berhubung perkara ini, Ibnu Sina menyatakan dalam kitabnya *al-Shifā'* pada bahagian *al-Ṭabī'iyyāt* seperti berikut;

"Dan adapun apa yang didakwa oleh ahli kimia, maka kamu perlu tahu bahawa mereka tidak mampu menukarkan

jenis bahan dengan penukaran yang hakiki, tetapi mereka hanya mampu melakukan penyamaan pada penilaian pancaindera."

Namun kebanyakan manusia tidak dapat bersabar dan sangat gopoh untuk sihat dengan segera, maka dengan itu bahan-bahan aktif diasingkan supaya kesannya lebih kuat, tetapi kesan yang lebih kuat itu biasanya disertai dengan pelbagai masalah lain yang mungkin lebih teruk teruk daripada penyakit asal.

Walau bagaimanapun, sekiranya pesakit sudah berada dalam keadaan darurat dan memerlukan ubatan yang mempunyai kesan sampingan, maka terpaksalah juga digunakan ubatan itu kerana ingin menyelamatkan nyawa dan organ lain yang lebih penting. Ini kerana apabila hanya tinggal pilihan antara dua kemudaratan, maka dipilih kemudaratan yang lebih ringan.

FASAL 4 : ILMU

Ilmu perubatan ialah ilmu yang digunakan oleh fizishen sebagai panduan untuk merawat pesakitnya. Inilah tajuk perbincangan utama risalah ini. Apa yang ingin diketengahkan di sini ialah perbandingan antara ilmu perubatan dengan ilmu agama serta kedudukannya.

Jika dibandingkan antara ilmu agama dan ilmu perubatan, maka terdapat satu persamaan yang sangat jelas iaitu kedua-duanya bertujuan merawat manusia.

Ilmu agama untuk merawat penyakit hati manusia, manakala ilmu perubatan untuk merawat penyakit jasad manusia. Kerana itulah Imam Ash-Shafi'i menyebutkan bahawa;

"Ilmu itu ada dua, Ilmu Badan (perubatan) dan Ilmu Agama."

Jika dilihat dari sudut keutamaan *maqāṣid shar'iyyah*, perkara pertama daripada lima perkara yang diambil berat oleh shariat Islam ialah perkara agama, perkara kedua pula ialah perkara kesihatan dan nyawa. Ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu perubatan setelah ilmu agama, bahkan ulama-ulama terdahulu ada yang menguasai kedua-dua bidang ilmu ini dan mampu menulis kitab dalam kedua-dua bidang seperti Imam Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah dan Imam Az-Zahabi.

Sepertimana yang akan kita lihat pada perbincangan struktur abstrak bagi manusia, salah satu struktur penting bagi manusia ialah roh yang mempunyai tiga kekuatan iaitu akal, nafsu ghadab dan nafsu shahwat. Ketiga-tiga kekuatan ini dikawal dan dipelihara secara khusus oleh ilmu agama. Ilmu Aqidah memelihara akal, Ilmu Fiqh mengawal nafsu ghadab dan Ilmu Tasawwuf mengawal nafsu shahwat. Apabila ketiga-tiga kekuatan ini dikawal dan dipelihara dengan baik, maka ketika itulah kita katakan roh itu berada dalam keadaan sihat secara shariatullah.

Oleh itu kita katakan bahawa perbincangan

sebenar dan mendalam mengenai perawatan rohani terdapat dalam ilmu agama, atau boleh juga kita katakan bahawa para nabi, rasul, wali, pendakwah dan ulama merupakan "doktor roh", manakala fizishen tubuh manusia kita katakan sebagai "doktor jasad". Terdapat sesetengah pihak mengatakan bahawa doktor yang sebenar ialah doktor yang merawat roh dan jasad, maka eloklah bagi seseorang fizishen untuk mempelajari ilmu perubatan dan ilmu agama agar ia mampu merawat roh dan juga jasad pesakitnya, inshaAllah.

Sepertimana ilmu agama merawat tiga kekuatan pada roh, maka begitulah juga dengan ilmu perubatan yang merawat tiga kekuatan yang ada pada jasad seperti yang kita akan lihat pada tajuk-tajuk yang akan datang, inshaAllah. Ini menunjukkan bahawa roh dan jasad adalah saling berkait, saling memberi kesan, bahkan pembahagian untuk kedua-duanya adalah sama dan saling melengkapi. Wallahua'lam.

BAB 2 : KEADAAN MANUSIA

Manusia merupakan sesuatu yang bersifat baharu, sudah menjadi kemestian bagi sesuatu yang baharu untuk mengalami perubahan. Tubuh manusia boleh berubah dan berada dalam tiga keadaan iaitu;

1. Sihat
2. Sakit
3. Sederhana

Tubuh manusia boleh mengalami perubahan disebabkan oleh pelbagai faktor. Perubahan-perubahan ini membuatkan manusia boleh berada dalam keadaan-keadaan tertentu. Jika dinilai keadaan-keadaan tersebut dari sudut kemampuan seseorang itu untuk melakukan fungsi dan tugasan yang sepatutnya, maka keadaan manusia boleh dibahagi kepada dua keadaan iaitu sihat dan sakit.

Keadaan sihat merujuk kepada keadaan manusia yang mampu melakukan tugasan dan fungsinya dengan sempurna. Keadaan ini mempunyai nilai-nilai tertentu bagi struktur manusia sama ada dari sudut kualiti atau kuantiti. Struktur manusia yang sihat menepati nilai-nilai ini dan ia dinamakan sebagai keadaan yang tabi'i atau normal.

Keadaan sakit pula merujuk kepada keadaan manusia yang tidak mampu melakukan tugasan dan fungsinya dengan sempurna. Manusia yang berada dalam keadaan sakit mengalami perubahan nilai pada strukturnya sama ada dari sudut kualiti atau kuantiti. Keadaan ini adalah terkeluar daripada batas tabi'i dan ia juga tidak normal.

Boleh juga kita katakan bahawa seseorang itu berada dalam keadaan sederhana antara sihat dan sakit, iaitu apabila keadaan sihat dan sakit berkumpul padanya. Contohnya ialah orang yang salah satu anggotanya berada dalam keadaan sakit, manakala anggota-anggota lain berada dalam keadaan sihat, ataupun orang yang tubuhnya berselang-seli antara

sihat dan sakit. Begitulah juga dengan bayi dan orang tua, keadaan mereka seolah-olah antara sihat dan sakit. Inilah tiga keadaan manusia iaitu sihat, sakit dan sederhana.

BAB 3 : PENGENALAN ILMU PERUBATAN

Ilmu perubatan boleh ditakrifkan sebagai;

"Sebuah ilmu yang membincangkan keadaan manusia, serta punca dan tanda bagi keadaan tersebut, dengan tujuan memelihara kesihatan apabila ia wujud dan mengembalikannya apabila ia hilang."

Ilmu perubatan terbahagi kepada dua iaitu;

1. Teoretikal
2. Praktikal

TEORETIKAL : Teoretikal bagi ilmu perubatan ialah ilmu yang menyatakan perkara-perkara asas tentang keadaan-keadaan manusia, punca-punca bagi keadaan tersebut dan juga tanda-tandanya.

Ilmu teoretikal hanya bermanfaat bagi seseorang fizishen dalam menilai dan mengenal pasti keadaan pesakit tanpa melakukan sebarang perkara yang berfaedah secara terus kepada pesakit menurut keadaan pesakit. Ia melibatkan empat perbincangan iaitu;

1. Keadaan Sihat
2. Keadaan Sakit
3. Punca Keadaan
4. Tanda Keadaan

KEADAAN SIHAT : Perbincangan keadaan sihat ialah pengetahuan mengenai komponen-komponen yang terlibat apabila seseorang itu berada dalam keadaan sihat, serta fungsi dan hubungan sesama komponen tersebut. Jadi ia terbahagi kepada dua perbincangan iaitu;

1. Struktur (morfologi)
2. Fungsi (fisiologi)

KEADAAN SAKIT : Ia dikenali juga sebagai ilmu "patologi". Perbincangan keadaan sakit melibatkan beberapa perkara, namun perbincangan yang paling penting ialah jenis penyakit yang terbahagi kepada dua iaitu;

1. Penyakit Struktur
2. Penyakit Fungsi

PUNCA KEADAAN : Ia dikenali juga sebagai ilmu "etiologi". Perbincangan mengenai punca keadaan ialah pengetahuan mengenai perkara-perkara yang boleh menyebabkan manusia berada dalam keadaan sihat atau sakit. Ia melibatkan dua jenis punca iaitu;

1. Punca Struktur
2. Punca Fungsi

TANDA KEADAAN : Ia dikenali juga sebagai ilmu "simptomatologi" atau "simptomologi". Perbincangan mengenai tanda keadaan ialah pengetahuan tentang perkara-perkara yang terhasil daripada keadaan tubuh atau disebut juga sebagai komplikasi dan ia menjadi tanda bagi keadaan-keadaan tersebut. Ia merangkumi dua jenis tanda iaitu;

1. Tanda Simbolik
2. Tanda Sebenar

PRAKTIKAL : Praktikal bagi ilmu perubatan ialah perbincangan mengenai perkara-perkara yang dapat memberi faedah secara terus kepada seseorang pesakit menurut keadaannya, sama ada melalui pengekalan kesihatan atau pengembalian kesihatan. Jadi terdapat dua ilmu praktikal berdasarkan keadaan manusia iaitu;

1. Penjagaan Kesihatan
2. Perawatan Penyakit

PENJAGAAN KESIHATAN : Ilmu penjagaan kesihatan ialah pengetahuan mengenai cara memelihara kesihatan yang sedia ada agar keadaannya sentiasa sama dan tidak terkeluar daripada batas normal yang boleh menyebabkan seseorang itu berubah kepada keadaan lain iaitu sakit. Ia melibatkan dua tajuk iaitu;

1. Penjagaan Umum
2. Penjagaan Khusus

PERAWATAN PENYAKIT : Ilmu perawatan penyakit


ialah pengetahuan mengenai cara-cara untuk menghilangkan penyakit yang ada, sekaligus mengembalikan kesihatan kepada pesakit. Ia melibatkan tiga perbincangan iaitu;

1. Jenis Rawatan
2. Teknik Rawatan
3. Krisis

Ilmu teoretikal boleh dikatakan sebagai sains dan fakta, kerana ilmu teoretikal membincangkan perkara-perkara berkaitan manusia secara lengkap berdasarkan kajian dan pemerhatian. Apabila sudah jelas secara pasti mengenai sesuatu perkara, maka tiada lagi andaian-andaian lain selainnya.

Ilmu praktikal pula boleh dikatakan sebagai seni kerana ia tidak terikat dengan mana-mana fakta atau kaedah. Urusan penjagaan kesihatan dan perawatan penyakit mungkin berbeza antara pelbagai individu atau pelbagai sistem perubatan. Ia bergantung kepada bagaimana sesuatu pihak itu memanipulasi fakta-fakta dalam ilmu teoretikal untuk mencapai dua matlamat ilmu praktikal, iaitu penjagaan kesihatan dan perawatan penyakit.

Oleh itu, tiada siapa yang boleh mendakwa secara pasti bahawa kaedah dan tekniknya sahaja yang benar, manakala kaedah-kaedah lain dikatakan salah. Selagimana kaedah yang digunakan mampu mencapai dua matlamat ilmu praktikal, maka semuanya adalah diterima, dengan sharat ia tidak terkeluar daripada batas sharak.



Selain itu, terdapat beberapa konsep lain yang perlu difahami oleh para fizishen sebelum mempelajari ilmu perubatan agar ia lebih jelas dan mudah untuk difahami, antara konsep yang penting ialah;

1. Kuantiti *(kamm)* dan kualiti *(kayf)*.
2. Diri *(jauhar)* dan ciri *(‘araḍ)*.
3. Mutlak, relatif dan subjektif.

KUANTITI DAN KUALITI : Kuantiti ialah satu sudut nilaian sesuatu perkara dalam keadaan sudut nilaian itu boleh dikira dan diletakkan nombor yang khusus. Kualiti pula ialah satu sudut nilaian yang secara asasnya tidak bergantung kepada nombor yang khusus, namun setelah ditetapkan sesuatu kualiti tertentu, maka ia juga boleh menerima nombor yang khusus.

Contoh nilaian secara kuantiti pada organ jari ialah bilangan jari dan juga saiz jari. Kedua-duanya secara asanya memang bergantung pada nombor. Contoh nilaian secara kualiti pula ialah warna jari, bentuk jari dan kekasaran permukaannya. Jika kita ambil sudut warna jari, maka penilaiannya bukanlah nombor tetapi jenis warna, iaitu putih, merah, pucat atau gelap.

Setelah ditetapkan jenis warna barulah ia boleh menerima nombor yang khusus. Contohnya apabila kita menetapkan jari itu berwarna merah, maka warna merah itu boleh menerima nombor sebagai ukuran kadar kemerahannya. Mungkin kita meletakkan nombor satu untuk kurang merah, nombor dua untuk sederhana merah dan nombor tiga untuk sangat merah.

DIRI DAN CIRI : Diri ialah hakikat sebenar bagi sesuatu perkara, manakala ciri pula ialah sifat atau apa-apa sahaja perkara lain yang wujud pada diri itu, dan ia hanya wujud dengan kewujudan diri.

Sebagai contoh, apabila kita membincangkan "tulang", maka dirinya ialah ketulan tulang itu sendiri,

tidak yang lain. Adapun ciri bagi tulang tersebut ialah warnanya yang putih, bentuknya yang panjang dan strukturnya yang keras.

MUTLAK, RELATIF DAN SUBJEKTIF : Mutlak ialah nilaian atau ukuran yang khusus dan menepati hakikat sebenar nilaian yang digunakan itu. Relatif pula ialah suatu ukuran atau nilaian yang digunakan bukan dengan maknanya atau nilainya yang hakiki, ia disebut juga sebagai nilaian secara nisbah.

Contoh nilai mutlak ialah apabila kita mengatakan air yang bersuhu 100°C sebagai air panas. Contoh nilai relatif ialah apabila kita mengatakan air yang bersuhu 0°C sebagai air yang panas secara relatif jika dibandingkan dengan air yang bersuhu -30°C.

Nilai mutlak dan relatif berbeza berdasarkan perspektif yang berbeza, namun ia masih melibatkan perkara yang sama. Dalam contoh yang telah diberikan, perkara yang digunakan ialah suhu, ia sama untuk relatif dan mutlak, hanya berbeza dari sudut kadarnya. Adapun subjektif, maka ia melibatkan perkara yang memang berbeza. Sebagai contoh, apabila mengatakan kepanasan, maka menurut penilaian secara subjektif, kita boleh mengatakan bahawa sesuatu yang berbentuk bulat atau sesuatu yang berwarna gelap sebagai benda yang panas.

Begitulah juga apabila kita bercakap soal kecantikan, ada yang mengatakan putih sebagai cantik, mungkin juga hitam atau kelabu. Contoh yang

melibatkan bidang perubatan ialah bahan asing untuk tubuh, khususnya yang melibatkan tindakbalas alergi, ada yang alergi dengan ayam, udang, sotong, madu atau kacang. Orang yang berbeza menghadapi bahan alergi yang berbeza. Maka dengan itu tamatlah sudah bahagian satu risalah ini. Wallahua'lam.



BAHAGIAN DUA :

KEADAAN SIHAT

Bahagian dua risalah ini merupakan perbincangan mengenai tajuk pertama daripada empat tajuk ilmu perubatan bahagian teori, iaitu perbincangan mengenai keadaan sihat. Ia melibatkan dua bab iaitu;

Bab 1 : Struktur
Bab 2 : Fungsi

BAB 1 : STRUKTUR


Manusia mempunyai dua jenis struktur iaitu struktur abstrak dan material. Struktur abstrak bagi manusia ialah roh dan mudabbir, manakala struktur material bagi manusia pula ada sepuluh jenis berdasarkan peringkat saiznya.

Struktur abstrak merupakan perkara yang wujud pada manusia, tetapi ia tidak boleh dicapai melalui

pancaindera. Walau bagaimanapun ia boleh dicapai oleh akal melalui kesan struktur abstrak terhadap struktur material kerana kesan tersebut boleh dicerap oleh pancaindera. Hubungan antara struktur abstrak dengan struktur material menghasilkan fungsi.

Perbincangan mengenai struktur dikenali juga sebagai morfologi. Pada kebiasaannya morfologi hanya melibatkan struktur yang bersifat material, struktur abstrak diabaikan, bahkan ada pihak yang menolak kewujudan roh atau perkara-perkara lain yang bersifat ghaib. Pemikiran sebegini adalah berbahaya dan boleh merosakkan iman kerana roh merupakan perkara ghaib yang wajib kita beriman dengannya. Perbincangan morfologi manusia yang melibatkan struktur abstrak akan menjadikan bidang perubatan lebih bermoral, berkesan dan holistik.

Pendekatan perawatan yang menggabungkan antara struktur abstrak dan material dikatakan lebih bermoral kerana roh merupakan sebahagian daripada manusia, bahkan roh lebih penting daripada jasad. Bagaimana seseorang itu dikatakan bermoral jika ia mengabaikan struktur yang paling penting bagi manusia. Ia dikatakan lebih berkesan kerana roh dapat memberi kesan kepada tubuh sebagaimana ubat memberi kesan, apabila kedua-duanya digabungkan maka berlakulah penggandaan perawatan atau sinergi sekaligus memudahkan kesembuhan, inshaAllah.



Bab ini melibatkan perbincangan mengenai struktur manusia dalam dua fasal iaitu;

Fasal 1 : Struktur Abstrak
Fasal 2 : Struktur Material

FASAL 1 : STRUKTUR ABSTRAK

Struktur abstrak bagi manusia ada dua dan kedua-duanya dibincangkan dalam dua maqalah iaitu;

Maqalah 1 : Roh
Maqalah 2 : Mudabbir

MAQALAH 1 : ROH

Roh yang dimaksudkan di sini ialah hakikat manusia yang sebenar yang dikenali juga sebagai jiwa dan hati. Ia merupakan sesuatu yang dimaksudkan apabila kita mengatakan "aku", "aku" yang kita sebut merujuk kepada roh dan jiwa manusia itu sendiri, bukan yang lain. Dengan adanya roh, kita boleh mengawal pergerakan dengan kehendak kita sendiri *(voluntary)*.

Apabila manusia dihina dan dikeji, maka yang terluka adalah roh atau jiwa, tubuh materialnya sedikit pun tidak disentuh. Roh mengawal otot skeletal khususnya otot pada rangka yang menghasilkan perbuatan, serta mengawal lidah yang menghasilkan ucapan. Secara mudahnya kita katakan bahawa tempat letak roh pada tubuh manusia ialah otak sedar (somatik), khususnya serebrum.

MAQALAH 2 : MUDABBIR

Adapun mudabbir pula bererti satu perkara abstrak yang mengawal organ dalaman manusia tanpa kesedaran oleh roh manusia, contohnya seperti kawalan

jantung, usus, hati, ginjal dan limpa. Kawalannya bukanlah atas kehendak manusia *(involuntary).*

Ia bagaikan satu kekuatan lain bagi manusia untuk mengawal organ lain tanpa kesedaran, atau boleh juga kita katakan ia sebagai “roh kedua” bagi manusia, atau mungkin juga mudabbir dianggap sebagai kawan kepada roh manusia kerana ia membantu roh.

Secara mudahnya kita katakan bahawa tempat letak mudabbir pada tubuh manusia ialah otak tidak sedar (autonomik), khususnya hipotalamus. Roh dan mudabbir masing-masing mempunyai tiga jenis kekuatan.

KEKUATAN ROH

Roh yang merupakan hakikat manusia ini diberi tiga kekuatan penting yang membolehkan ia mampu melakukan dan menikmati pelbagai perkara, dan dengan kekuatan inilah ia akan dipertanggungjawabkan atas apa yang telah ia lakukan dan nikmati. Makhluq Allah yang lain juga mempunyai kekuatan, namun tidak semuanya memiliki tiga kekuatan yang lengkap sepertimana manusia dan jin.

Tiga kekuatan tersebut berasal daripada dua kurniaan Allah kepada manusia dan jin iaitu akal dan nafsu, tiga kekuatan tersebut ialah;

1. Quwwah Aqliyyah (akal).
2. Quwwah Ghadabiyyah (nafsu ghadab).
3. Quwwah Shahwaniyyah (nafsu shahwat).

Adapun makhluq Allah yang lain, mereka tidak mendapat ketiga-tiga kekuatan ini. Contohnya para malaikat dikurniakan akal tanpa dua nafsu, tumbuhan dikurniakan nafsu shahwaniyyah tanpa akal dan nafsu ghadabiyyah, haiwan pula dikurniakan nafsu ghadabiyyah dan nafsu shahwaniyyah tanpa akal.

Oleh itu, bershukurlah dengan nikmat dan kurniaan Allah ini. Dengan nikmat akal, kita mampu menjadi lebih mulia daripada malaikat sekiranya kita melakukan kebaikan, tetapi jika kita melakukan kejahatan maka kita boleh menjadi lebih hina daripada haiwan.

QUWWAH AQLIYYAH : Ia dikenali juga sebagai *nafsāniyyah* dan *insāniyyah.* Ia berfungsi mengawal segala perkara yang bersifat sedar atau somatik melalui tiga jenis quwwah yang merupakan pecahannya iaitu;

1. Quwwah Qabilah
2. Quwwah Amaliyyah
3. Quwwah Muharrikah

QUWWAH QABILAH : Quwwah qabilah ialah quwwah yang menerima sesuatu maklumat atau isharat yang bersifat sedar, ia boleh juga disebut sebagai “sensori”. Maklumat itu boleh diperolehi melalui pancaindera yang ada pada manusia.

QUWWAH AMALIYYAH : Quwwah amaliyyah ialah quwwah yang memproses maklumat yang diterima

daripada quwwah qabilah, boleh juga disebut sebagai "proses". Ia melibatkan dua proses utama iaitu proses berfikir dan proses mengingati maklumat.

QUWWAH MUHARRIKAH : Quwwah muharrikah ialah quwwah yang memberi arahan daripada roh dan otak kepada organ yang bersifat sedar iaitu lidah yang menghasilkan ucapan dan otot skeletal yang menghasilkan perbuatan. Ia dikenali juga sebagai "motor".

QUWWAH GHADABIYYAH : Ia dikenali juga sebagai *sabu'iyyah* dan *ḥayawāniyyah.* Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu;

1. Harakiyyah
2. Difa'iyyah

QUWWAH HARAKIYYAH : Fungsi quwwah harakiyyah ialah pergerakan, tenaga, keceriaan dan keramahan. Dengan quwwah ini seseorang itu dikatakan bertenaga dan mampu melakukan pelbagai perkara. Segala perkara yang melibatkan keperluan kepada tenaga dan pergerakan dibantu oleh quwwah ini.

QUWWAH DIFA'IYYAH : Fungsi quwwah difa'iyyah pula ialah marah, kemegahan, berlawan dan memusnahkan. Dengan quwwah ini seseorang itu boleh mempertahankan dirinya sendiri iaitu setelah munculnya rasa marah, kemudian dibantu oleh quwwah

harakiyyah untuk melakukan gerakan pertahanan diri.

QUWWAH SHAHWANIYYAH : Ia dikenali juga sebagai *tabi'iyyah* dan *nabatiyyah.* Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu;

1. Ghizaiyyah
2. Jinsiyyah


QUWWAH GHIZAIYYAH : Quwwah ghizaiyyah berfungsi untuk mendapatkan makanan dan minuman. Quwwah inilah yang membuatkan manusia mempunyai keinginan untuk makan atau disebut sebagai selera. Dengan adanya quwwah ini manusia dapat menerima nutrien untuk keperluan tubuhnya.


QUWWAH JINSIYYAH : Quwwah jinsiyyah berfungsi untuk menyukai pasangannya yang berlainan jantina serta melakukan persetubuhan bersamanya. Dengan adanya quwwah ini manusia dapat menjalinkan hubungan cinta terhadap jantina yang berlainan melalui jalan pernikahan, seterusnya dapat mengekalkan zuriat dan keturunannya.

Fungsi roh dan kekuatannya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu;

1. Fungsi Shariatullah
2. Fungsi Sunnatullah

Kedua-dua jenis fungsi roh atau somatik ini akan dibincangkan dalam tajuk fungsi, inshaAllah.


Roh
(soul)
Aqliyyah
(mental)
Ghadabiyyah
(ego)
Shahwaniyyah
(vegetative)
Qabilah
(sensory)
Amaliyyah
(process)
Muharrikah
(motor)
Harakiyyah
(movement)
Difa'iyyah
(defense)
Ghizaiyyah
(diet)
Jinsiyyah
(sex)


الروح
العقلية
الغضبية
الشهوانية
القابلة
العملية
المحركة
الحركية
الدفاعية
الغذائية
الجنسية

KEKUATAN MUDABBIR

Mudabbir merupakan pembantu bagi roh, ia membantu roh untuk melakukan sesuatu kehendak yang diputuskan oleh roh dengan mengawal dan menguruskan perkara-perkara tertentu yang bukan menjadi tugas roh manusia.

Sebagai contoh, roh manusia memerlukan tenaga untuk berjalan ke suatu tempat, manusia hanya mampu memasukkan makanan melalui mulut dan mengunyahnya, tugas yang selebihnya akan dilakukan oleh mudabbir seperti menolak makanan sepanjang saluran pemakanan, menghadamkannya agar menjadi nutrien, menyerap nutrien, menyimpan nutrien, memproses nutrien kepada tenaga dalam bentuk ATP (*adenosine triphosphate*). ATP itu kemudiannya menjadi sumber tenaga untuk pergerakan otot yang seterusnya membolehkan manusia itu berjalan dengan izin Allah.

Disebabkan mudabbir dan roh saling berkait antara satu sama lain, maka pembahagian kekuatan mudabbir adalah sama seperti roh, tujuannya sama, cuma skop tugasnya sahaja yang berbeza.

QUWWAH AQLIYYAH : Ia berfungsi sebagai pengawal bagi segala proses tubuh yang bersifat tidak sedar. Tugas mengawal itu dilaksanakan dengan tiga quwwah yang merupakan pecahannya iaitu;

1. Quwwah Qabilah
2. Quwwah ‘Amaliyyah
3. Quwwah Muharrikah

QUWWAH QABILAH : Quwwah qabilah bagi mudabbir berfungsi sebagai penerima maklumat yang bersifat tidak sedar sama ada secara saraf atau endokrin.

QUWWAH 'AMALIYYAH : Quwwah 'amaliyyah bagi mudabbir berfungsi sebagai pemproses maklumat tidak sedar yang dibawa oleh quwwah qabilah seterusnya membuat keputusan yang sepatutnya untuk proses tubuh.

QUWWAH MUHARRIKAH : Quwwah muharrikah bagi mudabbir berfungsi sebagai penghantar maklumat tidak sedar daripada quwwah 'amaliyyah yang berpusat di hipotalamus sama ada secara saraf atau endokrin.

QUWWAH GHADABIYYAH : Quwwah ghadabiyyah bagi mudabbir ada dua jenis iaitu;

1. Taqwiyah
2. Limfawiyyah

QUWWAH TAQWIYAH : Quwwah taqwiyah berfungsi sebagai penerima oksigen, membawanya kepada organ tertentu untuk diproses bersama glukosa yang akhirnya menghasilkan ATP yang merupakan sumber tenaga yang utama bagi tubuh untuk melakukan segala proses. Selain itu, ia juga bertanggungjawab untuk mengawal suhu tubuh.

QUWWAH LIMFAWIYYAH : Quwwah limfawiyyah

memelihara tubuh daripada sebarang bahan asing jenis antigen sama ada daripada luar seperti organisma asing dan organ luar, atau daripada dalam seperti sel kanser. Ia dikenali juga sebagai kekuatan imuniti.

QUWWAH SHAHWANIYYAH : Quwwah shahwaniyyah ada dua jenis iaitu;

1. Shakhsiyyah
2. Tanasuliyyah

QUWWAH SHAKHSIYYAH : Quwwah shahwaniyyah jenis shakhsiyyah adalah untuk keperluan dan pembinaan diri sendiri, ia terbahagi kepada dua iaitu;

1. Ghaziyah
2. Namiyah

QUWWAH GHAZIYAH : Ghaziyah berfungsi sebagai penerima nutrien, membekalkannya kepada organ yang memerlukannya, menyimpannya dan membuang toksik atau sisa-sisa nutrien yang sudah digunakan.

QUWWAH NAMIYAH : Namiyah berfungsi sebagai pengawal tumbesaran manusia. Pada usia muda ia menumpukan pada proses penambahan saiz khususnya dari sudut ketinggian, pada usia dewasa ia menumpukan pada proses pemeliharaan saiz tubuh. Adapun saiz tubuh tidak banyak bergantung kepada quwwah namiyah, tetapi bergantung kepada kadar pemakanan dan kadar penggunaan tenaga.

QUWWAH TANASULIYYAH : Quwwah shahwaniyyah jenis tanasuliyyah pula adalah untuk kepentingan keturunan, ia terbahagi kepada dua jenis iaitu;


1. Muwallidah
2. Musawwirah


QUWWAH MUWALLIDAH : Muwallidah berfungsi sebagai persediaan untuk menghasilkan anak iaitu membentuk tubuh dengan ciri-ciri kelelakian atau keperempuanan dan penghasilan benih iaitu sperma atau ovum.

QUWWAH MUSAWWIRAH : Musawwirah pula berfungsi untuk memulakan pembentukan janin dan menguruskan tumbesarannya sehinggalah bayi dilahirkan.

Konsep tiga quwwah ini boleh dikaitkan dengan beberapa konsep lain seperti dalam jadual berikut;

KONSEP	Aqliyyah	Ghadabiyyah	Shahwaniyyah
Rukun Agama	Iman	Islam	Ihsan
Bidang Agama	Aqidah / Tauhid	Fiqh / Shariah	Akhlaq / Tasawwuf
Sistem Kehidupan	Politik	Sosial	Ekonomi
Kekuatan Rohani	Akal	Nafsu Marah	Nafsu Shahwat
Jenis Spesies	Manusia	Haiwan	Tumbuhan
Asal Usul Sel	Ektoderma	Mesoderma	Endoderma
Ruangan Tubuh	Kranium	Toraks	Abdomen & Pelvis
Organ Utama	Otak	Jantung	Hati & Gonad
Perubatan Cina	Shen	Qi	Jing
Perubatan Ayurveda	Vata	Pitta	Kapha





FASAL 2 : STRUKTUR MATERIAL

Struktur material bagi manusia boleh dicapai dengan pancaindera yang lima, jadi setiap struktur material boleh dilihat sama ada dengan mata kasar atau melalui alat bantuan seperti mikroskop.

Pembahagian struktur material adalah berdasarkan peringkat saiznya, bermula daripada yang paling kecil sehinggalah kepada yang paling besar iaitu manusia itu sendiri. Jumlah kesemua pembahagian struktur material ialah 10 peringkat, ia merangkumi pembahagian berdasarkan Perubatan Moden dan juga Perubatan Greek-Arab. Kesemua peringkat struktur material akan dibincangkan dalam 10 maqalah;

Maqalah 1	: Unsur
Maqalah 2	: Partikel Elemen
Maqalah 3	: Atom
Maqalah 4	: Molekul
Maqalah 5	: Organel
Maqalah 6	: Sel
Maqalah 7	: Tisu
Maqalah 8	: Organ
Maqalah 9	: Sistem
Maqalah 10	: Manusia

Tajuk unsur dan partikel elemen mempunyai perbincangannya yang khusus, ia melibatkan asas-asas Perubatan Greek-Arab dan juga Fizik Kuantum. Tajuk atom dan molekul melibatkan Biokimia. Organel, sel dan tisu melibatkan Histologi. Organ, sistem dan manusia melibatkan Anatomi.


MAQALAH 1 : UNSUR

Unsur atau arkan merupakan struktur paling kecil di alam dunia ini. Ia tidak boleh dibahagikan atau dipecahkan lagi kepada bahagian atau juzuk yang lebih kecil. Walaupun ada pihak yang mengatakan bahawa partikel elemen *(elementary particle)* seperti kuark, lepton dan boson merupakan struktur yang paling kecil, saya merasakan bahawa partikel-partikel tersebut akan berjaya dipecahkan kepada struktur yang lebih kecil.

Saintis terdahulu menyatakan bahawa atom merupakan struktur terkecil, namun hari ini perkara

tersebut terbukti salah, menyatakan partikel elemen sebagai struktur paling kecil merupakan satu kesimpulan yang agak melulu.

Sains moden belum menemui unsur, boleh jadi terdapat berpuluh-puluh atau beratus-ratus peringkat lagi selepas partikel elemen sebelum saintis berjaya menemui arkan atau unsur ini, atau mungkin juga unsur ini akan terus menjadi misteri dan tidak ditemui oleh sesiapapun, hanya mampu dibincangkan secara konsep tanpa dibuktikan secara empirik.



JENIS UNSUR

Terdapat empat jenis unsur yang menjadi asas bagi segala struktur lain yang lebih besar, penggabungan dan kepelbagaian jumlah keempat-empat unsur ini menghasilkan pelbagai struktur yang lebih besar dan saling berbeza. Empat unsur tersebut ialah unsur tanah, air, angin dan api.

UNSUR TANAH : Unsur tanah merupakan unsur yang berada di tengah-tengah atau bulatan pertama. Ia bersifat sejuk dan kering.


UNSUR AIR : Unsur air merupakan unsur yang berada pada bulatan kedua iaitu di antara unsur bumi dan angin. Ia bersifat sejuk dan basah.


UNSUR ANGIN : Unsur angin merupakan unsur yang berada pada bulatan ketiga iaitu di antara unsur air dan api. Ia bersifat panas dan basah.

UNSUR API : Unsur api merupakan unsur yang berada pada bulatan keempat iaitu selepas unsur angin. Ia bersifat panas dan kering.

Setiap unsur ini mempunyai kedudukannya yang tersendiri pada bulatannya, sebarang perubahan kedudukannya yang disebabkan oleh tenaga daripada luar akan menyebabkan unsur itu kembali ke tempat asalnya menurut susunan berat bagi setiap unsur. Susunan berat bagi unsur-unsur mengikut tertib paling ringan dimulakan dengan unsur api, kemudian unsur angin, unsur air dan akhirnya unsur tanah sebagai unsur paling berat.

Dua unsur yang paling ringan iaitu unsur api dan angin banyak membantu tubuh untuk tujuan pembinaan *ruh*, pergerakannya dan pergerakan organ, manakala dua unsur yang paling berat iaitu unsur tanah dan air banyak membantu tubuh untuk tujuan pembinaan organ dan kestabilannya.






UNSUR KELIMA

Selain daripada empat unsur yang telah disebutkan, terdapat konsep unsur yang kelima, iaitu satu unsur yang sangat seimbang dan tidak mengalami perubahan atau kemusnahan. Disebabkan keseimbangannya itu, ia tidak diambil kira secara khusus dalam Perubatan Greek-Arab, sebaliknya ia dikaitkan dengan alam atau makhluq lain yang bersifat mulia dan tinggi. Unsur kelima ini lebih dikenali sebagai "aeter" *(aether/asīr)*. Ia sering dikaitkan dengan kesempurnaan, roh dan semangat.

Dalam Perubatan Ayurveda *(Ayurvedic Medicine),* terdapat juga konsep lima unsur. Unsurnya adalah sama seperti unsur dalam Perubatan Greek-Arab dan ditambah dengan unsur *akasha* (aeter) sebagai unsur yang kelima. Dalam Fizik Partikel, sifat keseimbangan ini sering dikaitkan dengan boson Higgs yang dikenali juga sebagai Partikel Tuhan *(God Particle),* boson ini dikatakan seimbang dan tiada caj iaitu neutral, walau bagaimanapun boson ini belum berjaya dibuktikan.



Suatu masa dahulu, misteri unsur kelima ini pernah juga dikaitkan dengan tenaga "orgon" *(orgone energy).* Sistem Perubatan Cina Tradisional *(Traditional Chinese Medicine)* juga menggunakan konsep lima unsur, tetapi ada sedikit perbezaan dengan konsep lima unsur dalam Perubatan Greek-Arab atau Ayurveda, unsur-unsur tersebut ialah kayu, api, tanah, besi dan air.

SIFAT UNSUR

Seperti yang telah dijelaskan, setiap unsur mempunyai dua sifat. Dua sifat yang ada pada unsur dinamakan sebagai "kualiti primer", iaitu panas, sejuk, kering dan basah. Sifat panas dan sejuk dikenali juga sebagai sifat aktif, manakala sifat kering dan basah dikenali juga sebagai sifat pasif. Hal ini adalah kerana sifat aktif menghasilkan sifat pasif, sifat panas menghasilkan sifat kering, manakala sifat sejuk menghasilkan sifat basah. Jadi sifat panas dan sejuk merupakan sifat yang paling utama dan paling memberi kesan kepada tubuh.

Apabila unsur bergabung dan menghasilkan struktur baru yang lebih besar, maka struktur baru itu akan mempunyai sifatnya yang tersendiri. Namun sifat struktur baru itu bergantung kepada sifat unsur-unsur yang membentuknya. Sifat struktur baru yang lebih besar ini dinamakan sebagai mizaj.

Kepelbagaian bilangan unsur dalam membentuk struktur baru yang lebih besar menghasilkan

kepelbagaian jenis mizaj, terdapat sembilan jenis mizaj yang boleh terhasil iaitu;

1. Seimbang
2. Panas
3. Sejuk
4. Kering
5. Basah
6. Panas Dan Kering
7. Panas Dan Basah
8. Sejuk Dan Kering
9. Sejuk Dan Basah

Keseimbangan mizaj bukanlah bererti wujud satu sifat baru yang dinamakan “seimbang” tanpa mempunyai sifat panas, sejuk, basah atau kering. Tetapi ia bermaksud keseimbangan antara keempat-empat sifat tersebut. Walau bagaimanapun, menurut Aristotle, unsur kelima iaitu aeter mempunyai mizaj seimbang tanpa mempunyai salah satu sifat yang empat.

Keseimbangan mizaj bagi manusia dari sudut perubatan tidak semestinya bermaksud keseimbangan mutlak antara keempat-empat sifat tersebut, bahkan keseimbangan mizaj bagi manusia secara umum ialah panas dan basah. Kerana itulah dikatakan bahawa penduduk di kawasan khatulistiwa yang mengalami cuaca panas dan lembap sepanjang tahun sebagai golongan yang paling seimbang mizajnya jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk di kawasan lain.


Selain faktor kawasan dan cuaca, keseimbangan seseorang individu juga ditentukan oleh akhlaq, jantina, pekerjaan, bangsa, umur dan pelbagai perkara lain. Oleh itu, fizishen perlu peka dengan semua aspek diri pesakit agar fizishen tersebut dapat memberikan rawatan yang sesuai menurut keadaan dan keperluan semasa.

Menurut Imam Az-Zahabi dalam kitabnya At-Tibb An-Nabawi, beliau menyatakan bahawa mizaj yang paling seimbang dalam kalangan haiwan ialah manusia *(ḥayawān nāṭiq/thinking animal).* Mizaj yang paling seimbang dalam kalangan manusia ialah para mukmin, kemudian para nabi, kemudian para rasul, kemudian para rasul Ulul 'Azmi yang lima, kemudian Junjungan Besar kita Nabi Muhammad SAW, Baginda memiliki sebaik-baik mizaj tubuh kerana mizaj tubuh dipengaruhi oleh akhlaq seseorang itu. Jadi, Baginda yang memiliki sebaik-baik akhlaq, maka selayaknya Baginda jugalah yang mempunyai sebaik-baik mizaj dalam kalangan makhluq-makhluq Allah.

ṢŪRAH NAW'IYYAH (RUPA SPESIES)

Selain daripada sifat-sifat yang disebutkan, gabungan pelbagai unsur juga boleh menghasilkan karakter jenis lain iaitu *ṣūrah naw'iyyah. Ṣūrah naw'iyyah* ialah rupa khusus bagi sesuatu spesies, termasuklah bentuk susunan unsurnya. Analoginya adalah seperti penyusunan ketulan-ketulan bata dengan pelbagai cara yang berbeza.

Perbezaan bentuk susunan unsur atau atom memainkan peranan yang sangat penting dalam ilmu perubatan khususnya dalam bidang farmakologi, farmakognosi dan herbologi, kerana setiap perbezaan bentuk susunan mempunyai fungsi yang khusus, dan ia memberikan kesan yang berbeza kepada tubuh.



KAITAN ANTARA *ARKĀN* DAN *MIZĀJ*

DENGAN SAINS SEMASA

Dalam Perubatan Greek-Arab, kefahaman mengenai keempat-empat unsur ini memainkan peranan yang sangat penting dalam perawatan, kerana konsep struktur yang paling kecil pada masa dahulu bergantung sepenuhnya pada konsep arkan ini. Setelah muncul ilmu sains moden khususnya ilmu kimia, maka peranan konsep unsur semakin kurang mendapat perhatian, sebaliknya proses merawat banyak bergantung pada konsep kimia, khususnya berkaitan struktur kimia ubat-ubatan.


Walau bagaimanapun, konsep unsur masih relevan untuk diguna pakai kerana banyak persamaan konsep ini dengan beberapa konsep sains moden. Antaranya ialah konsep panas-sejuk dan basah-kering.

Sifat panas boleh kita gantikan dengan konsep tenaga *(energy)* atau caj negatif manakala sifat sejuk boleh digantikan dengan konsep daya *(force)* atau caj positif. Basah dan kering pula merujuk kepada konsep kepadatan, ketumpatan atau tekanan, sifat basah mewakili ketumpatan *(denseness),* sifat kering mewakili kelonggaran *(looseness)*.


Ada pihak yang menggunakan istilah tenaga untuk kekuatan yang membuatkan sesuatu itu bergerak secara aktif, istilah daya pula digunakan untuk kekuatan yang bersifat pasif dan menghentikan sesuatu gerakan. Pada hakikatnya, kedua-duanya ialah tenaga yang aktif. Hal ini adalah kerana istilah tenaga merujuk kepada kekuatan yang menarik objek menjadi semakin jauh daripada pusat bulatan, jadi ia kelihatan aktif dan bersifat memecahkan.

Istilah daya pula merujuk kepada kekuatan yang menarik objek ke arah pusat bulatan, jadi ia kelihatan pasif dan bersifat mencantumkan. Oleh itu, kedua-duanya pada hakikatnya adalah tenaga, satu menarik ke arah luar, manakala satu lagi menarik ke arah dalam.

Sifat panas berkait dengan pusingan arah jam, manakala sifat sejuk berkait dengan pusingan arah tawaf iaitu arah lawan jam.



Jika kita bandingkan dengan konsep elektromagnetik, ia merupakan keseimbangan dan gabungan konsep panas dan sejuk. Elektromagnetik jika dipecahkan kepada dua akan menghasilkan konsep elektrik dan magnetik. Elektrik mewakili konsep panas kerana ia bersifat memecahkan dan merosakkan, manakala magnetik pula mewakili konsep sejuk kerana ia bersifat membina dan mencantumkan.



Pendek kata, konsep panas dan sejuk ini wujud pada setiap objek dan menjadi asas bagi hukum sunnatullah di alam ini. Konsep sejuk pada peringkat nukleus atom dinamakan daya nuklear kuat *(strong nuclear force)* dan daya nuklear lemah *(weak nuclear force),* pada peringkat atom dinamakan elektromagnetisme atau caj, pada peringkat molekul batuan dinamakan magnetisme dan untuk peringkat yang lebih besar seperti planet dan galaksi dinamakan graviti. Namun, pada hakikatnya semua itu merupakan hasil elektromagnetik ataupun panas dan sejuk.


Konsep empat unsur menepati konsep keadaan jirim *(states of matter)* iaitu keadaan pepejal mewakili unsur tanah, keadaan cecair mewakili unsur air, keadaan gas mewakili unsur angin dan keadaan plasma mewakili unsur api.


Konsep empat unsur juga menepati konsep keperluan tubuh manusia iaitu haba dan sinaran UV mewakili unsur api, oksigen mewakili unsur angin, air minuman mewakili unsur air dan nutrien mewakili unsur tanah.


Caj elektrik yang terlibat dalam sistem saraf boleh dianggap sebagai sifat panas kerana ia bercaj negatif dan mempunyai ciri-ciri unsur api seperti aktif, bersifat menghancurkan dan kadar elektrik yang terlalu tinggi mampu memberi kesan kebakaran. Dalam Perubatan Greek-Arab sendiri, apabila berlaku masalah pada aliran elektrik saraf seperti lumpuh, maka ia dikatakan berpunca daripada sesuatu yang bersifat sejuk,

manakala masalah yang melibatkan terlebihnya fungsi aliran saraf seperti terketar-ketar, maka ia dianggap sebagai terlebih sifat panas.

Selain itu, lapisan-lapisan bumi juga menepati konsep empat unsur, lapisan tanah yang bersifat pepejal mewakili unsur tanah dan dinamakan litosfera, lapisan air laut dan sungai yang bersifat cecair mewakili unsur air dan dinamakan hidrosfera, lapisan udara yang bersifat gas mewakili unsur angin dan dinamakan atmosfera, dan lapisan yang paling luar iaitu lapisan ion yang bersifat plasma mewakili unsur api dan dinamakan ionosfera.




States of Matter
= atom
= nucleus
= electron
Solid
Liquid
Gas
Plasma
Add Heat


Sanguineus
BLOOD - AIR - SPRING
Hot
Moist
Cholericus
YELLOW BILE
FIRE
SUMMER
Phlegmaticus
PHLEGM
WATER
WINTER
Dry
Cold
Melancholicus
BLACK BILE - EARTH - AUTUMN

KONSEP	PANAS	SEJUK
Caj	Negatif	Positif
Kepadatan	Longgar	Padat
Posisi	Luar	Dalam
Kedudukan	Atas	Bawah
Bulatan	Orbit	Pusat
Perubatan Cina	Yang	Yin
Pergerakan	Dinamik	Statik
Waktu	Siang	Malam
Mizaj	Kering	Basah
Jantina	Lelaki	Perempuan
Proses	Pemecahan	Pembinaan
Metabolisma	Katabolisme	Anabolisme
Warna	Cerah	Gelap
Aktiviti	Aktif	Pasif
Tubuh	Fungsi	Struktur
Unsur	Api & Angin	Air & Tanah
Quwwah	Ghadabiyyah	Shahwaniyyah
Kekuatan	Tenaga	Daya
Saraf Autonomik	Simpatetik	Parasimpatetik
Gelombang	Elektrik	Magnetik
Arah Pusingan	Arah Jam	Arah Tawaf

KONSEP	TANAH	AIR	ANGIN	API
Bahagian Tubuh	Organ	Cecair	Ruangan	Haba
Bahan Keperluan	Nutrien	Air	Oksigen	Haba & UV
Keadaan Jirim	Pepejal	Cecair	Gas	Plasma
Arah Kompas	Selatan	Barat	Utara	Timur
Empat Musim	Luruh	Sejuk	Bunga	Panas
Empat Akhlat	Sauda'	Balgham	Dam	Safra'
Warna Akhlat	Hitam	Putih	Merah	Kuning
Peringkat Umur	Dewasa	Tua	Kekanak	Pemuda
Jenis Perasaan	Sedih	Takut	Gembira	Marah
Lapisan Bumi	Litosfera	Hidrosfera	Atmosfera	Ionosfera
Atom	Karbon	Hidrogen	Oksigen	Nitrogen

MAQALAH 2 : PARTIKEL ELEMEN

Partikel elemen *(elementary particle)*, zarah asas atau zarah subatom merupakan struktur paling kecil yang berjaya ditemui secara empirik setakat ini. Partikel elemen terdiri daripada dua jenis iaitu;

1. Kuark
2. Lepton

Kuark ialah partikel yang terlibat dengan struktur nukleus atom, manakala lepton ialah partikel yang tidak terlibat dengan struktur nukleus atom. Terdapat tiga pasang kuark iaitu;

1. Naik & Turun *(up & down)*
2. Pesona & Ganjil *(charm & strange)*
3. Atas & Bawah *(top & bottom)*

Setiap satu daripada enam kuark itu mempunyai anti partikel atau anti jirim masing-masing, iaitu partikel lain yang menyerupai kuark tersebut dengan caj elektrik yang berbeza. Terdapat tiga pasang lepton iaitu;

1. Elektron & Neutrino Elektron
2. Muon & Neutrino Muon
3. Tau & Neutrino Tau


Setiap satu daripada enam lepton itu mempunya anti partikel atau anti jirim masing-masing, iaitu partikel lain yang menyerupai lepton tersebut dengan caj elektrik yang berbeza.


Kesimpulannya, terdapat 24 partikel elemen, 12 terlibat dengan pembinaan nukleus, 12 lagi tidak terlibat. 12 yang terlibat pula terdiri daripada 6 kuark dan 6 anti kuark, manakala yang tidak terlibat pula terdiri daripada 6 lepton dan 6 anti lepton.

Terdapat lagi satu perkara yang masih menjadi misteri sehingga kini, sama ada ia adalah jirim atau bukan. Perkara tersebut ialah cahaya. Ia sangat unik kerana adakalanya ia bersifat seperti jirim, adakalanya ia bersifat seperti gelombang yang sememangnya tiada jirim. Walau bagaimanapun, partikel cahaya telah dinamakan sebagai “foton”.

Leptons spin = 1/2		
Flavor	Mass GeV/c^2	Electric charge
ν_e electron neutrino	$<1\times10^{-8}$	0
e electron	0.000511	–1
ν_μ muon neutrino	<0.0002	0
μ muon	0.106	–1
ν_τ tau neutrino	<0.02	0
τ tau	1.7771	–1

Quarks spin = 1/2		
Flavor	Approx. Mass GeV/c^2	Electric charge
u up	0.003	2/3
d down	0.006	–1/3
c charm	1.3	2/3
s strange	0.1	–1/3
t top	175	2/3
b bottom	4.3	–1/3





MAQALAH 3 : ATOM

Atom merupakan gabungan beberapa kuark dan lepton. Atom mempunyai dua bahagian iaitu bahagian tengah dan luar. Bahagian tengah ialah nukleus (kuark), bahagian luar ialah elektron (lepton) yang bergerak pada petalanya *(shell).* Nukleus pula terdiri daripada neutron dan proton. Neutron terdiri daripada tiga kuark iaitu dua "turun" dan satu "naik". Proton juga terdiri daripada tiga kuark iaitu dua "naik" dan satu "turun". Elektron bercaj negatif satu, proton bercaj positif satu dan neutron bercaj kosong atau neutral.


Terdapat pelbagai jenis atom yang telah ditemui, perbezaan jenis atom adalah berdasarkan perbezaan pada jumlah proton yang ada dalam nukleus. Jumlah maksimum petala elektron ialah tujuh, ia dinamakan


dengan abjad iaitu huruf K, L, M, N, O, P dan Q. Setiap petala pada huruf yang berbeza mempunyai kapasiti elektron yang berbeza. Kapasiti elektron atau kuota elektron pada setiap petala jika disusun mengikut huruf ialah 2, 8, 18, 32, 32, 18 dan 8.


Berdasarkan jumlah petala dan dan jumlah elektron yang memenuhinya, maka bilangan maksimum bagi atom ialah 118 jenis iaitu hasil tambah bagi jumlah maksimum kuota elektron pada setiap petala. Bagi saya, jumlahnya ialah 120.

$$2 + 8 + 18 + 32 + 32 + 18 + 8 + 2 = 120$$


Atom yang terlibat dengan tubuh manusia ialah oksigen, karbon, hidrogen, nitrogen, kalsium, fosforus, potasium, sulfur, sodium, klorin, magnesium, boron, kromium, kobalt, kuprum, florin, iodin, ferum, mangan, molibdenum, selenium, silikon, tin, vanadium dan zink.






1: Hydrogen
1
H



6: Carbon
2,4
C


7: Nitrogen
2,5
N


8: Oxygen
2,6
O


20: Calcium
2,8,8,2
Ca


118: Ununoctium
2,8,18,
32,32,
18,8
Uuo



MAQALAH 4 : MOLEKUL

Molekul ialah gabungan beberapa atom yang sama jenis atau berlainan jenis. Gabungan antara atom yang sama jenis dinamakan "elemen", manakala gabungan atom yang berlainan jenis dinamakan "sebatian". Walau bagaimanapun, istilah molekul lebih banyak digunakan berbanding elemen atau sebatian. Terdapat beberapa molekul penting yang terlibat dalam bidang perubatan kerana molekul-molekul tersebut merupakan molekul yang membentuk tubuh badan manusia.

Perbincangan ini menjelaskan beberapa bahan yang terlibat dengan tubuh manusia. Bahan-bahan ini boleh dibahagikan kepada dua dari sudut "keasingan" bahan tersebut, iaitu;

1. Bahan Keperluan
2. Bahan Asing

Bahan asing terbahagi kepada dua iaitu;

1. Xenobiotik
2. Antigen

Xenobiotik diurus oleh tubuh secara metabolisme oleh hati. Contoh xenobiotik ialah ubat-ubatan, logam berat dan racun. Antigen pula diurus oleh tubuh secara imuniti oleh sistem limfatik. Sebahagian antigen dinamakan sebagai alergen kerana ia boleh menyebabkan tindak balas alergi.

Bahan keperluan pula dibahagikan kepada empat bahagian berdasarkan konsep empat unsur iaitu;

1. Haba dan Sinaran UV (Konsep Api)
2. Oksigen (Konsep Angin)
3. Air H_2O (Konsep Air)
4. Nutrien (Konsep Tanah)

KEPERLUAN YANG BERKONSEP API : Keperluan manusia yang berkonsepkan api ialah haba dan juga sinaran UV, sumber utamanya ialah matahari. Keseimbangan haba adalah sangat penting untuk

memastikan pelbagai proses dalam tubuh berjalan lancar. Sinaran UV pula diperlukan untuk beberapa kepentingan khususnya untuk penghasilan vitamin D.

KEPERLUAN YANG BERKONSEP ANGIN : Keperluan yang berkonsepkan angin ialah oksigen, oksigen merupakan bahan penting untuk proses pembakaran glukosa yang boleh menghasilkan tenaga dalam bentuk ATP atau dibebaskan sebagai haba kepada tubuh. Hasil pembakaran tersebut ialah gas karbon dioksida dan juga air, kedua-duanya dibuang melalui pernafasan. Selain untuk pembakaran glukosa, ia juga digunakan untuk beberapa tujuan lain seperti penghasilan radikal bebas yang digunakan untuk memusnahkan sesuatu seperti yang berlaku dalam sistem imuniti.

KEPERLUAN YANG BERKONSEP AIR : Keperluan yang berkonsepkan air ialah air minuman (H_2O). Air tidak dikatakan sebagai nutrien secara khusus kerana ia lebih banyak berfungsi sebagai medium untuk proses-proses kimia dalam tubuh. Antara fungsinya ialah membantu proses metabolisme sama ada anabolisme atau katabolisme, melembapkan tubuh, memudahkan pengaliran bahan dan pembentukan organ tubuh dalam bentuk yang sepatutnya.

Air juga terlibat dalam penyeimbangan kadar pH tubuh yang optimum iaitu sekitar pH 7.4. Kadar pH merujuk kepada kadar kuantiti ion hidrogen dalam cecair tubuh khususnya darah, semakin rendah kadar

pH, semakin tinggi kadar ion hidrogen dan begitulah juga sebaliknya. Kadar pH yang tidak seimbang boleh menjejaskan kesihatan. Kadar ion hidrogen yang rendah disebut sebagai asid, manakala kadar ion hidrogen yang tinggi disebut alkali. Ketidakseimbangan kadar pH di dalam tubuh disebut sebagai asidosis atau alkalosis. Kadar pH ditentukan oleh beberapa faktor seperti sisa nutrien, mineral, oksigen, karbon dioksida dan juga makanan harian. Disebabkan kadar pH tubuh yang normal adalah agak beralkali, maka keadaan berasid biasanya dikaitkan dengan pelbagai penyakit.

pH CHART

Guidance	pH	Foods		
Consume Freely Raw is Best	10	**High Alkaline Ionized Water** Raw Spinach Brussel Sprouts Cauliflower Alfalfa Grass Seaweeds	Raw Brocolli Red Cabbage Carrots Cucumbers Asparagus	Artichokes Raw Cellery Potato Skins Collards Lemons & Limes
Alkaline pH	9.0	Olive Oil Raw Zucchini Sprouted Grains Raw Green Beans Mangoes Tangerines Grapes	Most Lettuce Sweet Potato Raw Eggplant Blueberries Papayas Melons	Borage Oil Raw Peas Alfalfa Sprouts Pears Figs & Dates Kiwi
Most foods get more acidic when cooked	8.0	Apples Tomatoes Turnip Bell Peppers Pineapple Wild Rice Canteloupe Oranges	Almonds Fresh Corn Olives Radish Cherries Strawberries Honeydew Grapefruit	Avocados Mushrooms Soybeans Rhubarb Millet Apricots Peaches Bananas
Neutral pH Optimum pH for HUMAN BLOOD	7.0	**Most Tap Water** Municipalities adjust tap water to be +/- 7.0 Optimum pH for HUMAN BLOOD is 7.365		Butter, fresh, unsalt Cream, fresh, raw Milk, raw cow's Margarine Oils, except Olive
It takes 20 parts of ALKALINITY to neutralize 1 part ACIDITY in the body	6.0	Milk, Yogurt Most Grains Eggs Kidney Beans Processed Juices Brown Rice Sprouted Wheat Bread Oysters	Fruit Juices Soy Milk, Goat's Milk Fish Lima Beans Rye Bread Cocoa Oats Cold Water Fish	Cooked Spinach Coconut Tea Plums Spelt Rice & Almond Mill Liver Salmon, Tuna
Acidic pH	5.0	Cooked Beans Sugar Potatoes w/o Skins Garbanzos Butter, salted Wheat Bran	Chicken & Turkey Canned Fruit Pinto Beans Lentils Rice Cakes Rhubarb	Beer White Rice Navy Beans Black Beans Cooked Corn Molasses
	4.0	**Reverse Osmosis Water** Coffee Pistachios Cranberries Wheat Popcorn	**Distilled & Purified Water** White Bread Beef Prunes Most Nuts Peanuts	**Most Bottled Water & Sports Drinks** Blackberries Sweetened Fruit Juices Tomato Sauce
Consume sparingly or never	3.0	Lamb Shellfish Goat Cheese Pasta Worry Tobacco Smoke Sweet'N Low NutraSweet	Pork Pastries Soda Pickles Lack of Sleep Chocolate Equal Processed Food	Wine Cheese Black Tea Stress Overwork Vinegar Aspartame Microwaved Foods
	2.3			

KEPERLUAN YANG BERKONSEP TANAH : Keperluan yang berkonsepkan tanah ialah nutrien. Nutrien boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu;

1. Bahan Bakar *(fuel).*
2. Bukan Bahan Bakar *(non fuel).*


NUTRIEN BAHAN BAKAR : Nutrien bahan bakar ialah nutrien yang boleh digunakan dalam proses oksidasi untuk menghasilkan tenaga dalam bentuk ATP. Nutrien bahan bakar ada tiga iaitu;

1. Karbohidrat
2. Protein
3. Lipid

KARBOHIDRAT : Karbohidrat merupakan sumber tenaga paling utama bagi manusia. Karbohidrat yang paling penting untuk tujuan penghasilan tenaga ialah glukosa. Glukosa merupakan karbohidrat jenis monosakarida, ia boleh bercantum dan menghasilkan struktur yang lebih besar sama ada disakarida atau yang lebih besar iaitu oligosakarida dan polisakarida. Contohnya ialah maltosa, glikogen, serat selulosa *(cellulose fiber)* dan kanji *(starch).* Contoh monosakarida yang lain ialah fruktosa dan galaktosa. Gabungan fruktosa dengan glukosa menghasilkan sukrosa, gabungan galaktosa dengan glukosa menghasilkan laktosa.

Selain diproses untuk menghasilkan tenaga,


karbohidrat juga penting untuk beberapa struktur seperti DNA, RNA dan glikoprotein iaitu identiti bagi sel yang membezakan antara jenis sel dan keasingan sesuatu organisma. Sumber utama karbohidrat ialah makanan bijirin asasi seperti gandum dan beras, dan juga buah-buahan serta bahan tenusu.



PROTEIN : Struktur asas bagi protein ialah asid amino. Asid amino boleh bergabung untuk membentuk struktur yang lebih besar iaitu struktur primer, sekunder, tertier dan kuarterner. Protein banyak terlibat dengan penghasilan struktur tubuh seperti otot.


Protein boleh juga digunakan untuk penghasilan tenaga, tetapi ia berlaku setelah bekalan karbohidrat

dan lipid berkurangan. Selain otot, protein sangat penting untuk penghasilan protein darah, antibodi dan juga enzim. Sumber utama protein ialah daging haiwan dan telur.



LIPID : Struktur asas bagi lipid ada dua iaitu alkohol seperti gliserol dan kolestrol, dan juga asid lemak *(fatty acid)* seperti asid oleik, asid linoleik, asid arakidonik dan asid stearik. Gabungan antara alkohol dan asid lemak dinamakan ester atau lipid. Ia boleh bercantum dengan bahan lain untuk membentuk struktur yang lebih besar.

Lipid menjadi bentuk simpanan nutrien yang utama khususnya untuk karbohidrat dan lipid sendiri. Lipid juga penting untuk penghasilan membran plasma iaitu sarung bagi sel dan beberapa organel lain. Bahan lain yang terhasil daripada lipid ialah asid hempedu. Sumber utama lipid ialah bahan berlemak seperti minyak sama ada daripada haiwan atau tumbuhan.



A lipid (a triglyceride)


NUTRIEN BUKAN BAHAN BAKAR : Nutrien bukan bahan bakar ialah nutrien yang tidak boleh dibakar untuk menghasilkan tenaga. Nutrien bukan bahan bakar ada tiga iaitu;

1. Asid Nukleik
2. Vitamin
3. Mineral

ASID NUKLEIK : Asid nukleik merupakan struktur penting dalam penghasilan bahan genetik seperti DNA *(deoxyribonucleic acid)* dan RNA *(ribonucleic acid)*. Selain itu ia juga terlibat dalam penghasilan bahan yang membantu proses enzim. ATP juga merupakan salah satu bahan yang terhasil daripada asid nukleik.

Komponen asas bagi asid nukleik dinamakan basa nitrogen *(nitrogenous base)* atau nukleobasa *(nucleobase)*. Terdapat dua kumpulan nukleobasa iaitu kumpulan pirimidina *(pyrimidine)* seperti sitosina *(cytosine),* timina *(thymine)* dan urasil *(uracil)* dan juga kumpulan purina *(purine)* seperti guanina *(guanine)* dan adenina *(adenine)*.

Sisa nukleik asid yang dinamakan asid urik boleh menyebabkan penyakit gout apabila ia terkumpul di dalam sendi. Sumber utama asid nukleik ialah tumbuhan khususnya sayuran dan juga haiwan khususnya daging dan makanan laut seperti udang.




VITAMIN : Vitamin merupakan nutrien yang wajib diambil oleh manusia kerana ia tidak boleh dihasilkan oleh tubuh daripada bahan lain. Terdapat pelbagai jenis vitamin dan setiap satu mempunyai pelbagai fungsinya yang tersendiri. Dua kategori utama bagi vitamin ialah vitamin larut lemak dan vitamin larut air. Vitamin larut lemak ada empat iaitu vitamin A, D, E dan K. Vitamin larut air ialah vitamin B dan C, vitamin B mempunyai banyak lagi pecahannya.

Vitamin	Functions	Sources
A	Healthy teeth, skin, and eyes	Eggs, meat, milk, cheese, dark green leafy vegetables, squash, carrots
B	Helps body use food energy, digest proteins, function of central nervous system, digestion and metabolism	Lean meats, eggs, fish, dairy products, soybeans, yeast, broccoli, lean beef, cabbage, whole grains *note there are a variety of B vitamins; this is a summary
C	Helps immune system, helps wound healing, helps absorb iron	Citrus fruits, green peppers, strawberries, tomatoes, broccoli, sweet and white potatoes, cantaloupe
D	"sunshine vitamin" - helps absorb calcium (for healthy bones and teeth)	Dairy products, fish, oysters, sunshine!
E	Protects body against damage from free radicals, helps form red blood cells (to carry oxygen)	Wheat germ, corn, nuts, seeds, olives, spinach, green leafy vegetables, vegetable oils (sunflower oil, soybean oil)
K	Blood clotting, strong bones	Cabbage, cauliflower, spinach, soybeans

MINERAL : Mineral ialah bahan keperluan manusia yang tidak berbentuk molekul, sebaliknya hanyalah atom. Terdapat dua kategori utama bagi mineral iaitu makromineral dan mikromineral. Makromineral ialah mineral yang diperlukan dalam kuantiti yang agak banyak iaitu potasium, klorin, sodium, kalsium fosforus dan magnesium. Mikromineral pula ialah mineral yang diperlukan dalam kuantiti yang sedikit iaitu zink, ferum atau zat besi *(iron),* mangan, kuprum (tembaga), iodin, selenium dan molibdenum.

Walaupun mineral termasuk dalam kategori konsep tanah dan nutrien, sebahagian mineral banyak terlibat dengan konsep air, khususnya mineral yang boleh bertindak sebagai elektrolit seperti sodium, potasium, klorin dan magnesium. Bahkan jika dinilai air minuman seharian, air tersebut bukanlah molekul H_2O semata-mata, tetapi ia juga mengandungi beberapa jenis mineral. Ini menunjukkan kaitan yang sangat rapat antara beberapa jenis mineral dengan air minuman.

Mineral	Mineral salt activity in body	Principal food sources
Calcium	Builds and maintains bone and tooth structure. Heals wounds. Controls glycogen metabolism and muscle contraction. Adds vitality and endurance.	Dairy, egg yolk, apricots, dates, figs, prunes, cranberries, cabbage, lettuce, onions, parsnips, spinach, bran.
Chlorine	Found in digestive system and secretions. Body cleanser, expels waste, freshens, purifies, disinfects.	Salt, fish, dairy (cow and goat), coconut, beets, radishes
Fluorine	Bone and tooth structure and preservation, strengthens tendons.	Dairy, egg yolk, cod liver oil, brussels sprouts, cabbage, cauliflower, spinach, tomatoes, watercress
Iodine	Nervous system, gland function, helps metabolism, prevents thyroid goiter.	Seafoods, cod liver oil, seaweed/dulce, carrots, garlic, onions, potato skins, tomatoes, watercress, pears, pineapple
Iron	Oxygen metabolism. Component of hemoglobin, carries oxygen in blood. Prevents anemia, promotes vitality.	Liver, oysters. egg yolk, green leafy vegetables, potatoes, whole wheat, blackberries, black cherries
Magnesium	Nerve and muscle function/relaxation, prevents constipation.	Goat's milk, egg yolk, barley, corn, whole wheat, coconut, figs, grapefruit, oranges
Manganese	Energy metabolism. Nervous system, helps with memory, thought and action.	Egg yolk, almonds, pine nuts, walnuts, endive, mint, parsley, wintergreen
Phosphorus	Nourishes nervous system and brain. Aids in bone and hair growth.	Egg yolk, seafood, dairy, barley, corn, whole wheat, nuts, beans, lentils, peas, parsnips
Potassium	Body alkalizer, tissue, muscle elasticity, nerve function, maintains cardiac rhythm	Cabbage, dandelion, dill, olives, parsley, potato skin, sage, watercress, almonds, blueberries, coconut, figs, peaches, prunes
Silicon	Hair, skin, nails, teeth structure and tone	asparagus, cabbage, lettuce, spinach, tomatoes, figs, strawberries, barley, oats
Sodium	Digestion, gland, ligament, and blood builder. Along with potassium maintains cellular balance and function, alkalizer.	Egg yolk, dairy, asparagus, beans, beets, carrots, celery, cucumbers, okra, turnips, oatmeal, coconut, figs
Sulphur	Purifies and tones nervous system	Shrimp, asparagus, cabbage, carrots, cauliflower, horseradish, mustard greens, onions, chestnuts
Zinc	Vitamin B function. Carbohydrate and protein metabolism. Prostate health. Wound healing, maintains skin health.	Milk (mother's, cow, goat), whole grains, wheat bran and germ, pumpkin seeds




FUNGSI NUTRIEN

Secara umumnya, fungsi nutrien boleh dibahagikan kepada dua iaitu;

1. Penghasilan tenaga dalam bentuk ATP.
2. Pembinaan struktur material tubuh.

Penghasilan tenaga melibatkan karbohidrat sebagai sumber utama, manakala lipid dan protein merupakan sumber sampingan. Pembinaan struktur material tubuh pula melibatkan semua jenis nutrien, semua nutrien boleh bergabung dengan nutrien jenis lain untuk menghasilkan struktur yang diperlukan oleh tubuh. Karbohidrat boleh bergabung dengan protein, protein boleh bergabung dengan lipid dan begitulah seterusnya.

Apabila sudah terhasil tenaga dan struktur material, maka tubuh manusia sudah bersedia untuk melakukan fungsi setelah mendapat arahan daripada struktur abstrak. Fungsi yang terhasil itu dinamakan proses atau fisiologi.



KETOKSIKAN

Sebahagian orang mengatakan bahawa wujud nutrien, ubat dan racun, setiap satu adalah berbeza. Bagi saya, istilah ketoksikan atau bahayanya sesuatu bahan adalah bersifat relatif dan subjektif. Tiada pengkelasan yang khusus untuk menentukan bahawa sesuatu bahan itu toksik atau tidak. Ini kerana setiap bahan yang masuk ke dalam tubuh kita berpotensi menjadi toksik dan berbahaya, termasuklah nutrien.

Jadi, penentuan ketoksikan adalah bersifat subjektif dan relatif dari sudut kuantiti dan kualiti serta berbeza menurut perbezaan individu. Ada bahan yang baik untuk sebahagian orang namun buruk untuk sebahagian yang lain. Ada yang baik jika diambil dengan jumlah yang sedikit namun buruk jika diambil dengan jumlah yang banyak.

Walau bagaimanapun, ketoksikan nutrien adalah agak sukar untuk berlaku. Oleh itu, bahan-bahan asing, dari sudut ketoksikan boleh dikategorikan sebagai ubat atau racun berdasarkan kebarangkalian ketoksikan secara purata.

Namun untuk mengatakan sesuatu bahan itu sebagai ubat atau racun secara mutlak adalah satu pengkelasan yang tidak tepat. Salah seorang tokoh pengasas kimia moden iaitu Paracelsus pernah mengatakan bahawa;

"Racun ada pada semua bahan, tiada bahan yang tidak mengandungi racun. Kadar dos yang

menjadikannya sama ada racun atau ubat."

HUMOR / AKHLAT (CECAIR TUBUH)

Dalam Perubatan Greek-Arab, terdapat konsep akhlat iaitu cecair tubuh atau humor, ia terhasil daripada makanan dan minuman. Jika dibandingkan dengan Perubatan Moden, konsep humor boleh dikatakan sebagai kumpulan bahan-bahan tertentu yang merangkumi nutrien, cecair tubuh dan perubahan nutrien kepada bahan-bahan lain. Terdapat dua jenis humor dalam Perubatan Greek-Arab iaitu humor primer dan sekunder, namun saya ingin menambah humor yang ketiga, maka humor ada tiga jenis iaitu;

1. Humor Primer
2. Humor Sekunder
3. Humor Tertier

HUMOR PRIMER : Humor primer ialah humor yang secara umumnya berada di dalam salur darah dan ruangan organ-organ tertentu seperti pundi hempedu dan limpa. Humor primer merupakan humor utama yang diperlukan oleh tubuh dalam kuantiti yang tertentu.

Humor primer ada empat dan ia merupakan humor yang normal dan baik untuk tubuh, apabila disebut perkataan akhlat, maka secara umumnya ia merujuk kepada humor ini. Humor primer boleh berubah kualitinya lalu dikatakan sebagai humor yang

sudah rosak atau humor bukan tabi'i. Humor primer yang sudah rosak dianggap sebagai humor sekunder jenis pertama iaitu humor sekunder lebihan. Terdapat empat jenis humor primer iaitu;

1. *Damm* (darah/*blood*).
2. *Balgham* (dahak/*phlegm*).
3. *Ṣafrā'* (hempedu kuning/*yellow bile*).
4. *Sawdā'* (hempedu hitam/*black bile*).

DAMM **:** *Damm* diterjemahkan sebagai darah, namun maksudnya menurut Perubatan Greek-Arab bukanlah seperti maksud darah yang kita biasa fahami. Ia merupakan suatu bahan tertentu dan mempunyai fungsi tertentu. Cecair yang berada di dalam salur darah bukanlah *damm* semuanya, bahkan keempat-empat humor itu boleh berada di dalam salur darah. Jadi kita perlu jelas bahawa *damm* merupakan suatu bahan yang khusus, begitulah juga dengan humor-humor yang lain.

Damm mewakili unsur angin, ia bersifat panas dan basah, merupakan sebaik-baik humor. Fungsinya ialah membawa *ruh* (oksigen) ke seluruh tubuh. Dalam teks Perubatan Greek-Arab, istilah *ruh* digunakan untuk menggambarkan suatu bahan halus yang ada pada udara *(nasim)* yang disedut, ia membuatkan manusia mempunyai tenaga untuk hidup, jadi istilah ruh itu sesuai digantikan dengan istilah oksigen. *Damm* juga memberi nutrien tenaga ke seluruh tubuh dan juga nutrien pembinaan kepada organ-organ tertentu. Lokasi utama *damm* ialah di dalam salur darah.


BALGHAM **:** *Balgham* mewakili unsur air, ia bersifat sejuk dan basah. *Balgham* diterjemahkan sebagai dahak, namun ia tidaklah merujuk kepada makna dahak yang sering difahami, ia mempunyai konsepnya yang tersendiri berdasarkan Perubatan Greek-Arab. *Balgham* boleh bertukar kepada *damm* apabila bekalan *damm* di dalam tubuh berkurangan. Ia juga berada pada organ-organ tertentu untuk melancarkan pergerakan dan melembutkan sesuatu organ. *Balgham* memberi nutrien pembinaan kepada organ-organ tertentu seperti otak. Lokasi utama *balgham* ialah di dalam salur darah, lemak tubuh dan ruangan organ tertentu seperti mata dan sendi.

ṢAFRĀ' **:** *Ṣafrā'* mewakili unsur api, ia bersifat panas dan kering. *Ṣafrā'* berfungsi sebagai pelembut struktur darah, memasuki salur usus untuk penghadaman dan memberi nutrien pembinaan untuk organ-organ tertentu seperti peparu. Lokasi utama *ṣafrā'* ialah di dalam salur darah dan pundi hempedu.

SAWDĀ' **:** *Sawdā'* mewakili unsur tanah, ia bersifat sejuk dan kering. *Sawdā'* berfungsi sebagai penebal struktur darah, memasuki salur usus untuk merangsang selera dan rasa lapar serta memberi nutrien pembinaan kepada organ-organ tertentu seperti tulang. *Sawdā'* jenis tidak tabi'i boleh terhasil daripada pembakaran humor lain secara berlebihan sehingga bertukar menjadi warna hitam, *sawdā'* jenis ini sangat berbahaya kepada tubuh dan boleh mendatangkan pelbagai

penyakit yang serius seperti kanser. Lokasi utama *sawdā'* ialah di dalam salur darah dan limpa.

Istilah limpa dalam Perubatan Greek-Arab boleh ditafsirkan sebagai limpa dan pankreas kerana penjelasan mengenai limpa dalam teks Perubatan Greek-Arab menepati fungsi kedua-dua organ, bahkan kajian terbaru menunjukkan sel stem limpa boleh menghasilkan sel pankreas, jadi terdapat beberapa persamaan antara limpa dan pankreas dari sudut asal-usulnya.



HUMOR SEKUNDER : Humor sekunder ialah humor yang berasal daripada humor primer, cuma ia berbeza dari sudut lokasi dan kualiti. Terdapat dua jenis humor sekunder iaitu;

1. Humor Sekunder Lebihan
2. Humor Sekunder Bukan Lebihan

HUMOR SEKUNDER LEBIHAN : Humor sekunder lebihan ialah humor primer yang sudah rosak dan perlu disingkirkan daripada tubuh kerana ia berbahaya kepada tubuh.

Humor sekunder lebihan merangkumi keempat-empat jenis humor primer, perubahan humor tabi'i kepada humor tidak tabi'i boleh disebabkan oleh beberapa perkara seperti percampuran dengan humor jenis lain yang sudah rosak, berubah dengan sendirinya disebabkan takungan dan juga pembakaran pada tahap terakhir yang biasanya merupakan sisa penggunaan nutrien. Jadi terdapat empat jenis humor tidak tabi'i iaitu;


1. *Damm* Tidak Tabi'i
2. *Balgham* Tidak Tabi'i
3. *Ṣafrā'* Tidak Tabi'i
4. *Sawdā'* Tidak Tabi'i

HUMOR SEKUNDER BUKAN LEBIHAN : Humor sekunder bukan lebihan ialah humor yang berada di dalam tubuh dan baik, tetapi ia tidak berada dalam lokasi utama humor primer khususnya salur darah.

Terdapat empat jenis humor sekunder bukan lebihan iaitu;

1. Humor yang berada di sekitar tepi salur darah kecil pada organ.
2. Humor yang bertaburan di dalam organ tetapi belum menjadi sebahagian daripada organ dengan cara asimilasi.
3. Humor yang berada di dalam organ dan menjadi sebahagian daripada organ melalui proses asimilasi.
4. Humor yang berada di dalam organ dan ia merupakan cecair yang wujud sejak awal lagi dan diwariskan daripada benih warisnya.

HUMOR TERTIER : Humor tertier ialah humor yang biasanya dibuang oleh tubuh secara normal melalui organ-organ tertentu. Contoh humor jenis ini ialah urin, peluh, kahak, minyak dari kulit, susu badan, air mani, darah haid, air mata, tahi mata dan tahi telinga. Kebanyakan humor tertier ialah bahan yang perlu dibuang sama ada disebabkan oleh kualitinya yang sudah berubah atau kuantitinya yang terlalu banyak di dalam tubuh, sebahagian yang lain pula mungkin dikeluarkan sebagai keperluan fisiologi. Sebahagian humor tertier boleh digunakan sebagai bahan diagnosis seperti urin dan kahak.




KONSEP HUMOR
MENURUT PERUBATAN MODEN


Jika dibandingkan konsep cecair tubuh *(body fluids)* dalam Perubatan Greek-Arab dan Perubatan Moden, tidak banyak perbezaannya. Bahkan konsep cecair tubuh dalam Perubatan Greek-Arab boleh dikatakan sebagai merentasi masa. Perbandingannya dari sudut lokasi adalah seperti berikut;

1. Humor primer menepati konsep cecair intravaskular atau plasma iaitu cecair yang berada di dalam salur darah.
2. Humor sekunder bukan lebihan jenis pertama dan kedua menepati konsep cecair interstitial iaitu cecair yang berada di celah-celah sel.
3. Humor sekunder bukan lebihan jenis ketiga menepati konsep cecair intrasel tidak termasuk

nukleus.

4. Humor sekunder bukan lebihan jenis keempat menepati konsep cecair intranukleus di dalam sel kerana nukleus mempunyai bahan genetik yang merupakan warisan daripada sperma dan ovum.





MAQALAH 5 : ORGANEL


Organel ialah struktur-struktur kecil yang membentuk sebuah sel. Setiap organel mempunyai fungsi yang tersendiri. Secara umumnya terdapat lapan jenis organel yang utama iaitu;

1. Membran Plasma
2. Nukleus

3. Ribosom
4. Retikulum Endoplasma
5. Jasad Golgi
6. Mitokondria
7. Sitoskeleton
8. Vesikel

MEMBRAN PLASMA : Membran plasma, membran sel atau plasmalema ialah lapisan sel paling luar yang membalut organel-organel lain. Antara fungsinya ialah mengawal keluar masuk bahan-bahan, menerima isharat tubuh seperti hormon dan neurotransmiter, serta memiliki identiti tertentu (antigen) yang penting untuk membezakan antara sel tubuh atau sel dari luar.

NUKLEUS : Nukleus ialah organel yang biasanya berada di tengah-tengah sel. Antara fungsinya ialah sebagai tempat letaknya maklumat genetik dalam bentuk DNA *(deoxyribonucleic acid)* dan menjadi acuan untuk penghasilan protein tertentu.



RIBOSOM : Ribosom ialah organel yang bertaburan dalam sel atau melekat pada ER lalu ER itu dinamakan ER kasar. Fungsi ribosom ialah menghasilkan protein berdasarkan acuan yang diambil daripada DNA dalam nukleus, iaitu dengan menggabungkan pelbagai asid amino sehingga terbentuk protein.

RETIKULUM ENDOPLASMA : Retikulum endoplasma *(endoplasmic reticulum, ER)* ialah organel yang berada di sekeliling nukleus. Terdapat dua jenis ER iaitu ER licin dan ER kasar. Antara fungsi ER licin ialah detoksifikasi racun dan penghasilan lipid tertentu. Antara fungsi ER kasar ialah menghasilkan protein.


JASAD GOLGI : Jasad Golgi ialah organel yang berada berhampiran dengan ER. Antara fungsinya ialah mengubahsuai protein yang telah dihasilkan menurut keperluan, lalu dibungkus untuk kegunaan sel atau dihantar ke luar sel untuk digunakan oleh organ yang lain.

MITOKONDRIA : Mitokondria ialah organel yang bertaburan di dalam sel. Ia berfungsi untuk menghasilkan tenaga dalam bentuk ATP atau dibebaskan sebagai haba.

SITOSKELETON : Sitoskeleton ialah struktur yang menjadi tulang belakang bagi sel. Terdapat tiga jenis sitoskeleton iaitu filamen aktin, filamen intermediat dan mikrotubul. Ia berfungsi sebagai mengukuhkan

bentuk dan struktur sel, serta membantu pergerakan sel. Mikrotubul membentuk satu struktur penting dalam proses pembiakan sel iaitu sentriol.

VESIKEL : Vesikel ialah organel yang berbentuk sfera dan di dalamnya terkandung bahan-bahan tertentu. Terdapat pelbagai jenis vesikel dengan pelbagai fungsi. Antara fungsi vesikel ialah penghancuran, detoksifikasi dan penyimpanan bahan. Contoh vesikel ialah lisosom, proteosom, vakuol dan peroksisom. Ruang di dalam sel iaitu ruang di antara sesama organel dinamakan sitosol atau sitoplasma yang mengandungi jel matriks dan pelbagai bahan lain.



PENUTUP

Alhamdulillah, dengan kehendak Allah dan pertolongan-Nya, maka telah saya siapkan risalah ini. Tidak dinafikan bahawa terlalu banyak kekurangan yang ada dalam risalah ini dan semuanya tidak lain dan tidak bukan tentulah datang daripada kelemahan diri saya sendiri selaku manusia yang lemah, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan izin-Nya jua.

Inilah satu cetusan daripada saya dalam usaha menyusun kembali asas-asas ilmu perubatan yang berlandaskan shariatullah dan sunnatullah. Semoga risalah yang serba ringkas ini menjadi langkah pertama bagi langkah-langkah yang seterusnya untuk mengintegrasikan ilmu perubatan moden dengan asas-asas agama. Bagi saya usaha ini sangat penting kerana ilmu sains moden secara umumnya telah tercemar dengan sesetengah falsafah barat yang membuatkan manusia semakin jauh daripada Allah, bahkan tidak kurang juga yang menyalahgunakan ilmu sains dan teknologi untuk melawan perintah agama dan suruhan Tuhan. Manusia zaman ini khususnya umat Islam perlukan satu acuan yang tersendiri dalam meneroka alam ini berserta undang-undangnya.

Antara punca kelemahan umat Islam masa kini dalam bidang sains dan teknologi ialah perasaan tidak yakin dengan kemampuan diri sendiri. Umat Islam

kebanyakannya terlalu bergantung kepada peraturan dan etika yang disusun oleh dunia barat tanpa berani melakukan penilaian dan pengkajian semula. Umat Islam harus berjiwa besar dan sedia mengambil apa sahaja langkah untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan dalam setiap aspek kehidupan. Umat Islam tidak boleh menjadikan bidang yang diceburinya sebagai sumber pendapatan semata-mata, tetapi perlu meminati dan mengkajinya dengan usaha yang maksimum, hasilnya dunia Islam akan terkehadapan dan umat Islam mampu memimpin dunia dalam segala bidang inshaAllah, ia tidak terhad kepada ilmu sains dan teknologi semata-mata.

Namun, asas-asas dan prinsip-prinsip agama Islam tidak boleh ditinggalkan atau diabaikan kerana itulah satu-satunya aset yang paling berharga bagi umat Islam. Ajaran agama sahajalah yang dapat membimbing umat Islam agar mencapai kemuncak ketamadunan yang hakiki iaitu ketamadunan rohani, bukan seperti barat yang gah dengan pencapaian teknologinya namun telah kehilangan nilai-nilai akhlaq dan adab dalam kehidupan. Umat Islamlah yang perlu menunjukkan contoh kepada dunia tentang bagaimana menguruskan kehidupan menuju kepada ketamadunan yang tinggi dan suci.

Semoga Allah mengampuni segala kesalahan dan kesilapan saya dalam menghasilkan risalah ini. Teguran, cadangan dan kritikan membina ke arah memantapkan lagi risalah ini amatlah dialu-alukan. Saling berpesan

pada kebenaran merupakan sifat umat Islam dan itulah juga sifat mereka yang tidak berada dalam kerugian. Segala puji bagi Allah, selawat dan salam buat Kekasih-Nya Nabi Muhammad SAW. Wallahua'lam.



RUJUKAN

RUJUKAN BAHASA ARAB

1. *Al-Qur'ān*
2. *Al-Sunnah*
3. *Al-Ṭibb al-Nabawiyy,* Ibn Qayyim al-Jawziyyah.
4. *Al-Ṭibb al-Nabawiyy,* Shams al-Din al-Żahabiyy.
5. *Al-Ṭibb al-Nabawiyy,* Jalāl al-Dīn Al-Suyūṭiyy.
6. *Al-Qānūn fī al-Ṭibb,* ibn Sīnā.
7. *Al-Mūjaz fī al-Ṭibb,* ibn al-Nafīs.
8. *Al-Kulliyyāt fī al-Ṭibb,* ibn Rushd.
9. *Al-Hāwī fī al-Ṭibb,* Zakariyyā al-Rāziyy.
10. *Al-Masā'il fī al-Ṭibb,* Ḥunayn bin Ishāq.
11. *Kāmil al-Ṣinā'ah al-Ṭibbiyyah,* 'Aliyy bin al-'Abbās.
12. *'Ulamā' al-'Arab,* al-Duktūr Yūsuf Farḥāt.
13. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn,* Abū Ḥamīd al-Ghazzāliyy.
14. *Ḥujjat Allāh al-Bālighah,* Shāh Waliyy Allāh al-Dihlawiyy.
15. *Al-Ṭibb al-Rūḥāniyy,* Abū al-Faraj bin al-Jawziyy.
16. *Sirr al-Asrār,* 'Abd al-Qādir al-Jīlāniyy.
17. *Al-Naṣā'iḥ al-Dīniyyah wa al-Waṣāyā al-Īmāniyyah,* 'Abd Allāh al-Ḥaddād.
18. *Al-Nabḍ li al-Muta'allimīn li Jālīnūs,* Ḥunayn bin Isḥāq.

19. *Al-Shifā',* ibn Sīnā.
20. *Sharḥu Tashrīḥ al-Qānūn,* ibn al-Nafīs.
21. *Al-Nafs wa al-Rūḥ,* Fakhr al-Dīn al-Rāziyy.
22. *Al-Futūḥāt al-Makkiyyah,* Muḥyī al-Dīn bin al-'Arabiyy.
23. *Al-Raḥmah fī al-Ṭibb wa al-Ḥikmah,* As-Suyuṭi.
24. *Majmū'ah al-Rasā'il,* Ḥasan al-Bannā.
25. *Madārij al-Sālikīn,* ibn Qayyim al-Jawziyyah.
26. *Al-Dā' wa al-Dawa',* ibn Qayyim Al-Jawziyyah.
27. *Rasā'il al-Shajarah al-Ilāhiyyah,* Shams al-Dīn al-Shahrazūriyy.

RUJUKAN BAHASA MELAYU

1. *Perubatan Jawi,* Ismail Bin Ahmad.
2. *Inilah Pegangan Kami,* Ismail Bin Ahmad.
3. *Mari Bersama Kami,* Ismail Bin Ahmad.
4. *Teori-Teori Asas Perubatan Ibnu Sina,* Mohd Hilmi Bin Abdullah.
5. *Tatacara Penjagaan Kesihatan Menurut Ibnu Sina,* Mohd Hilmi Bin Abdullah.
6. *Rawatan Umum Dalam Perubatan Ibnu Sina,* Mohd Hilmi Bin Abdullah.

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

1. *Translation Of Canon Of Medicine,* Oskar Cameron Gruner.
2. *Translation Of Canon Of Medicine,* Jami'a Hamdard.

3. *The Traditional Healer's Handbook,* Moinuddin Chishti.
4. *Textbook Of Medical Physiology (12th Edition),* Guyton and Hall.
5. *Review Of Medical Physiology (23rd Edition),* William Francis Ganong.
6. *Introduction To Al-Umur Al-Tabi'iyyah,* Sayed Ishtiaq Ahmed.

KAMUS

1. *Lisān al-'Arab,* ibn Manẓūr.
2. *Mu'jam al-Nafais Al-Kabir,* Dār al-Nafā'is.
3. *Al-Mu'jam Al-Wasīṭ,* Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah.
4. *Al-Mughnī al-Farīd,* Ḥasan Sa'id al-Karmiyy.
5. *Qāmūs Idrīs al-Marbawiyy,* Muhammad Idrīs al-Marbawiyy.
6. *Oxford Advanced Learner's Dictionary (7th),* Oxford University Press.
7. *Kamus Al-Miftah,* Al-Azhar Media Sdn. Bhd.

LAMAN WEB

1. *www.greekmedicine.net*
2. *www.al-mostafa.com*
3. *www.adelaide.edu.au*
4. *www.ucl.ac.uk*
5. *www.prpm.dbp.gov.my*

6. *www.wikipedia.org*
7. *www.naturalnews.com*
8. *www.ncbi.nlm.nih.gov*
9. *www.globinmed.com*
10. *www.elib.hbi.ir*

BIODATA PENULIS

- Berasal daripada Pulau Pinang.

- Pendidikan menengah bawah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Mashoor Lelaki SMKAAM(L).
- Pendidikan menengah atas di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Kubang Pasu (SBPIKP) dalam aliran *Sains Tulen Agama.*

- Institusi pengajian tinggi yang pertama ialah Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) dalam jurusan *Tahfiz dan Shariah.*
- Sebelum menamatkan pengajian di KITAB, berpindah ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam jurusan *Shariah dan Undang-Undang.*
- Sebelum menamatkan pengajian di USIM, berpindah ke Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir dalam jurusan *Perubatan dan Pembedahan (MBBCh).* Ditaja oleh sharikat HPA.
- Sharikat HPA menghadapi masalah kewangan, tajaan tidak dapat diteruskan, lalu pulang ke Malaysia.

- Sekarang terlibat dengan Baytul Hikma untuk usaha penyebaran dan penterjemahan ilmu melalui program pendidikan dan penghasilan buku.

Antara karya yang telah dihasilkan ialah;

1. Buku *Terjemahan Matan Isaghuji*
2. Jurnal *Exordia Medikologi*
3. Kertas kerja *Asas-Asas Ilmu Perubatan*

Buku yang akan diterbitkan selepas ini ialah *Oximel,* iaitu terjemahan bagi sebuah karya Ibnu Sina yang berjudul *Risālah fī al-Sakanjabīn,* inshaAllah.



Facebook : facebook.com/naseersobree
Blog : naseersobree.blogspot.com



Baytul Hikma



RISALAH ILMU PERUBATAN

Saya persembahkan risalah ini buat mereka yang mempelajari ilmu perubatan dengan penuh minat serta sentiasa berfikir dalam usaha memantapkan ilmu mereka, bukan mereka yang hanya menghafal buta untuk peperiksaan, pantang dikritik, menolak pembaharuan yang bersifat membaik pulih ataupun tidak berani mencuba sesuatu yang baru untuk mendapatkan yang terbaik. Semoga ia menjadi titik permulaan bagi penilaian dan pengkajian semula terhadap apa yang sedia ada, seterusnya dapat menghasilkan sesuatu yang terbaik tanpa mengabaikan aspek rohani dalam perawatan, bahkan kesihatan rohani dijadikan sebagai keutamaan yang paling tinggi.

